

**PELESTARIAN RUMAH TRADISIONAL TERENGGANU DI WARISAN
PAHLAWAN RESORT, KG PAUH**

FARIZA NURFAZREEN BINTI JASWARI

C20A0977

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PELESTARIAN RUMAH TRADISIONAL TERENGGANU DI WARISAN
PAHLAWAN RESORT, KG PAUH

Oleh

FARIZA NURFAZREEN BINTI JASWARI

Projek Penyelidikan ini Dibuat Bagi Memenuhi Syarat Bagi Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh hingga

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

.....


.....

FARIZA NURFAZREEN

DR. NORAZLINDA BINTI

BINTI JASWARI

MOHAMED ROSDI

Tarikh : 14 Februari 2024

Tarikh :

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekata.

THESIS DECLARATION

I here by certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution

OPEN ACCESS

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or online open access (full text)

EMBARGOES

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or On-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from until

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret 1972)*

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization Where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature

.....


FARIZA NURFAZREEN
BINTI JASWARI

Date: 14 Februari 2024

Signature of Supervisor

.....


DR.NORAZLINDA BINTI
MOHAMED ROSDI

Date:

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi di atas limpah rahmat serta nikmatnya dari segi masa dan tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya

Saya Faria nurfazreen binti Jaswari ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi kerana dengan tunjuk ajar dan bimbingannya saya dan rakan-rakan yang lain dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa iaitu Jaswari bin Mohd Zain dan Sharifah Aini kerana memberi pemudah cara dapat saya menyiapkan kerja kursus ini. Hal ini kerana, ibu bapa telah memberi sokongan moral kepada saya sehingga berjaya menyiapkan tugas ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan saya yang memberi tunjuk ajar dan peringatan untuk menyiapkan tugas ini dan banyak membantu saya dalam membuat tugas ini dari segi idea dan sentiasa menjawab soalan yang ditanya saya.

Selain tu, ucapan terima kasih juga kepada responden yang terlibat dalam temu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini. Terima kasih diucapkan kepada Puan Zaimah Osman, Encik Nazhan dan Abang Yie memberi maklumat berkaitan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menyiapkan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih.

**PELESTARIAN RUMAH TRADISIONAL TERENGGANU DI WARISAN
PAHLAWAN RESORT, KG PAUH**

ABSTRAK

Rumah Tradisional Melayu melambangkan kearifan tempatan dalam menghasilkan seni bina rumah tersebut yang mempunyai fungsi dan makna yang tertentu. Pembinaan rumah Melayu ini juga dapat dikaitkan dengan pengaruh masyarakat terdahulu dari segi perilaku, sosio-budaya, dan sebagainya. Bagi mengenalpasti bentuk rumah Melayu boleh dilihat dari bentuk atapnya. Di Terengganu, reka bentuk rumah Melayu mempunyai keunikannya yang boleh dilihat dari reka bentuk bumbungnya. Namun begitu, seni bina rumah Melayu sering dilupakan oleh masyarakat disebabkan dengan adanya reka bentuk moden dan ini menyebabkan khazanah warisan semakin dilupakan. Akibat daripada reka bentuk rumah Tradisional Melayu ini semakin dilupakan salah satu kajian telah dilakukan untuk melestarikan rumah Tradisional Melayu di negeri Terengganu. Bagi mengenalpasti rumah Tradisional Terengganu yang masih ada di Terengganu pengkaji telah memilih skop kajian di Warisan Pahlawan Resort di Kampung Pauh, Terengganu untuk mengetahui rumah Tradisional yang terdapat disana. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti keunikan rumah Tradisional disana dan mengetahui beberapa kaedah pelestarian yang dilakukan supaya rumah Tradisional Terengganu ini dapat dikekalkan. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data bagi objektif kajian ini. Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa keunikan yang ada di Warisan Pahlawan Resort dari segi ukiran, motif, reka bentuk dan sebagainya. Terdapat juga usaha yang dilakukan oleh pengusaha resort untuk melestarikan rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort ini.

Kata kunci: Rumah Tradisional Melayu, reka bentuk rumah Melayu, rumah Tradisional Terengganu, seni bina rumah Tradisional Terengganu, pelestarian

PRESERVATION OF TRADITIONAL HOUSES TERENGGANU AT WARISAN PAHLAWAN RESORT, KG PAUH

ABSTRACT

Traditional Malay houses symbolize the local wisdom in producing the architecture of the house, which has a certain function and meaning. The construction of Malay houses can also be linked to the influence of previous societies in terms of behavior, socioculture, and so on. The shape of a Malay house can be seen from the shape of the roof. In Terengganu, Malay house design has its own uniqueness, which can be seen in the roof design. However, Malay house architecture is often forgotten by the community due to the presence of modern design, and this causes heritage treasures to be increasingly forgotten. As a result of the traditional Malay house design being increasingly forgotten, one of the studies has been done to preserve the traditional Malay house in the state of Terengganu. In order to identify the Terengganu traditional houses that still exist in Terengganu, the researcher has chosen the scope of the study at Warisan Pahlawan Resort in Kampung Pauh, Terengganu, to find out the traditional houses found there. This study is to identify the uniqueness of the traditional house there and find out some conservation methods that are being used so that this Terengganu traditional house can be maintained. Therefore, the researcher has used qualitative methods to obtain data for the objective of this study. As a result of this study, there are several unique features at Warisan Pahlawan Resort in terms of carving, motif, and design. There is also an effort made by resort operators to preserve the houses found at Warisan Pahlawan Resort.

Keywords: Traditional Malay house, Malay house design, Terengganu Traditional house, Terengganu Traditional house architecture and preservation

ISI KANDUNGAN

| BAB I | PENDAHULUAN | HALAMAN |
|---------------|------------------------------------|----------------|
| 1.1 | Pengenalan | 1-2 |
| 1.2 | Latar Belakang | 3-4 |
| 1.3 | Permasalahan kajian | 5 |
| 1.4 | Persoalan kajian | 6 |
| 1.5 | Objektif kajian | 6 |
| 1.6 | Skop Kajian | 7 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 8-9 |
| | 1.7.1 Individu | |
| | 1.7.2 Masyarakat | |
| | 1.7.3 Negara | |
| 1.8 | Kesimpulan | 9 |
| BAB II | SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 | Pengenalan | 10 |
| 2.2 | Sorotan Kajian Lepas | 10 |
| | 2.2.1 Definisi pelestarian | 11-13 |
| | 2.2.2 Seni bina Rumah Melayu | 14-17 |
| | 2.2.3 Rumah Tradisional Terengganu | 17-18 |
| 2.3 | Kerangka Teori | 19-20 |
| 2.4 | Kesimpulan | 21 |

| | | |
|----------------|--------------------------|-------|
| BAB III | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 22 |
| 3.2 | Pendekatan Kajian | 22 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 23 |
| | 3.3.1 Kaedah Kualitatif | 23 |
| 3.4 | Pengumpulan Data | 24 |
| | 3.4.1 Data Primer | 24-25 |
| | 3.4.2 Data Sekunder | 25-26 |
| 3.5 | Pensampelan Kajian | 26-27 |
| 3.6 | Alat bantu Kajian | 27 |
| 3.7 | Analisis Data | 28-31 |
| 3.8 | Kesimpulan | 33 |



| | | |
|----------|--|-------|
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 33 |
| 4.2 | Temu bual | 33 |
| | 4.2.1 Sejarah pembinaan Warisan Pahlawan Resort | 34-37 |
| | 4.2.2 Keunikan rumah di Warisan Pahlawan Resort | 38-54 |
| | 4.2.3 Cara pelestarian | 55-56 |
| 4.3 | Kesimpulan | 57 |
| BAB V | PENUTUP | |
| 5.1 | Pengenalan | 58 |
| 5.2 | Perbincangan kajian | 58-61 |
| 5.3 | Saranan dan cadangan | 61-65 |
| 5.4 | Kesimpulan | 66 |
| RUJUKAN | | 67-69 |
| LAMPIRAN | | 70-75 |

SENARAI GAMBAR

| NO. GAMBAR | | HALAMAN |
|------------|--|---------|
| Gambar 1 | Rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort | 4 |
| Gambar 2 | Rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort | 4 |
| Gambar 3 | Ukiran Tebuk Tembus tanpa Silat | 40 |
| Gambar 4 | Ukiran Tebuk Tembus Bersilat | 40 |
| Gambar 5 | Ukiran Berkerawang pagar rumah Mat Kilau | 41 |
| Gambar 6 | Motif Awan Larat | 44 |
| Gambar 7 | Motif Bunga | 45 |
| Gambar 8 | Motif Kaligrafi islam | 46 |
| Gambar 9 | Rumah Mat Kilau | 48 |
| Gambar 10 | Lantai rumah Mat Kilau daripada buluh | 49 |
| Gambar 11 | Dinding Kelarai | 49 |
| Gambar 12 | Motif ukiran kerawang pada rumah Mat Kilau | 50 |
| Gambar 13 | Tangga rumah Mat Kilau | 50 |
| Gambar 14 | Reka bentuk rumah Tok Gajah | 52 |
| Gambar 15 | Reka bentuk rumah Tokku Pauh | 53 |
| Gambar 16 | Sesi temu bual R1 | 73 |
| Gambar 17 | Gambar menunjukkan R2 | 73 |
| Gambar 18 | Sesi temu bual bersama R3 | 74 |
| Gambar 21 | Keratan akhbar berkaitan resort | 75 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | | HALAMAN |
|-----------|--|---------|
| Rajah 1 | Proses analisis data tematik (Braun & Clark, 2006) | 29 |

SENARAI PETA

| NO. PETA | | HALAMAN |
|----------|-------------------------------|---------|
| Peta 1 | Lokasi kajian di Kampung Pauh | 7 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | | |
|------------|---------------------------|----|
| Jadual 1 | Demografi responden | 27 |
| Jadual 2 | Kod dan Huraian temu bual | 34 |



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Terengganu merupakan salah satu negeri yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Terengganu terletak di kawasan Pantai Timur dan bersempadan dengan Negeri Kelantan dan Pahang. Terengganu merupakan negeri terawal yang mula bertapak di alam Melayu. Hal ini berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat Terengganu yang ditemui di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Penemuan Batu Bersurat ini membuktikan tarikh bertapaknya Terengganu di alam Melayu antara 702 dan 789 tahun Hijrah Masihi atau antara 1303 dan 1387 tahun Masihi. Terengganu mempunyai beberapa daerah yang terdiri daripada Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Besut, Kemaman, Setiu, Marang dan Dungun. Dengan adanya beberapa daerah ini menyebabkan Terengganu kaya dengan kepelbagaian budaya dan warisan. Antara budaya yang ada di Terengganu ialah dari segi makanan, tarian tradisional masyarakat dan juga rumah tradisional di Terengganu.

Seni bina merupakan lambang kepada keagungan sesuatu bangsa. Selain itu, seni bina juga menjadi bukti ketinggian peradaban sesuatu bangsa atau boleh menjadi identiti sesuatu bangsa. Begitu juga orang Melayu, mereka terkenal dengan seni pertukangan yang wujud sejak ribuan tahun yang lalu. Seni pertukangan orang Melayu pada zaman dahulu sangat unik kerana mempunyai pelbagai jenis dan corak yang berbeza. Melalui pemikiran orang Melayu ini telah menghasilkan pelbagai corak seni bina bangunan berdasarkan keperluan, selera dan kepentingan sosial. Di Terengganu, seni bina rumah tradisional telah dibahagikan kepada tiga jenis iaitu untuk beribadat seperti masjid, untuk tempat tinggal seperti rumah dan istana serta tempat berehat seperti wakaf. Setiap seni bina tersebut mempunyai corak dan bentuk yang berbeza.

Menurut kajian, rumah Terengganu yang paling awal terbina oleh orang Melayu ialah Rumah Gajah Menyusu. Rumah ini berbentuk bumbung yang panjang dan mempunyai tabir layar. Bentuk rumah ini masih digunakan di kawasan pedalaman. Rumah ini dipanggil Rumah Gajah Menyusu kerana rumah ini disambung kepada satu unit rumah yang lebih kecil. Seterusnya, Rumah Berserambi atau dikenali sebagai Rumah Berpeleh. Rumah ini merupakan rumah popular di Terengganu sebelum kedatangan pengaruh asing kerana mempunyai bentuk bumbung yang panjang dan melintang. Kebiasaannya, rumah ini mempunyai dua pemeleh yang besar dan tebal. Selain itu, di Terengganu juga terdapat Rumah Limas Belanda. Rumah ini asalnya daripada rumah limas bungkus tetapi diubah oleh tukang Melayu sesuai dengan imej Melayu. Tukang Melayu menambah bukaan pada atap yang berbentuk 'V' terbalik sebelah atas untuk tujuan pengudaraan. Dengan adanya beberapa contoh rumah tradisional yang ada di Terengganu ini membuktikan bahawa Terengganu mempunyai warisan yang perlu dipelihara dan dilestarikan supaya tidak terancam.

Pelestarian merupakan salah satu cara untuk melindungi sesuatu khazanah daripada musnah. Usaha ini perlu dititikberatkan oleh semua pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara warisan yang ada di Malaysia. Di Malaysia, terdapat pelbagai khazanah kebudayaan yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Antara khazanah yang kita dapat lihat ialah rumah masyarakat Melayu terdahulu. Rumah kayu atau rumah kampung pada zaman dahulu tidak asing lagi bagi orang Melayu. Rumah tradisional Melayu mempunyai pelbagai jenis dan kebanyakan rumah tradisional Melayu mempunyai elemen yang mewakili kaum, etnik dan adat masing-masing. Di Malaysia, setiap negeri mempunyai rumah tradisional yang mempunyai perbezaan dari segi elemen bumbung dan mempunyai keunikannya yang tersendiri. Seni bina rumah Melayu sangat unik kerana seni pertukangan yang sangat halus dalam menghasilkan rumah tradisional. Kehalusan seni pertukangan dan teknik yang digunakan masyarakat dahulu dalam menghasilkan rumah tradisional yang mempunyai ciri atau elemen bukan sahaja sesuai dengan keadaan iklim malah mempunyai nilai yang tinggi. Sebagai contoh di Terengganu terdapat satu tempat yang telah menjadikan rumah tradisional sebagai satu tarikan pelancong.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Rumah yang menjadi tinggalan khazanah bagi masyarakat Melayu dikenali sebagai rumah Warisan. Rumah-rumah tradisional ini biasanya berada di kawasan kampung-kampung. Seni bina rumah tradisional mempunyai perbezaan bagi setiap negeri. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji rumah yang ada di Warisan Pahlawan kepada masyarakat serta ingin mengetahui persepsi masyarakat terhadap rumah warisan. Hal ini kerana, seni bina rumah tradisional pada zaman dahulu mempunyai kehalusan serta menggunakan bahan-bahan alam sekitar untuk membina rumah.

Rumah Warisan di Warisan Pahlawan Resort mempunyai seni bina yang menarik kerana seni bina rumah tradisional ini dikatakan diinspirasikan dari zaman Kesultanan Sultan Mansor Shah. Hal ini kerana konsep seni bina rumah-rumah warisan di sini menyetengahkan seni bina warisan Melayu yang berkonsepkan kepahlawanan. Oleh itu, sesiapa yang menginap di resort ini seperti mengimbau kembali zaman silam. Di Warisan Pahlawan Resort ini mempunyai beberapa buah rumah dengan mempunyai seni bina yang unik serta setiap rumah yang ada disini mempunyai reka bentuk yang berbeza tapi masih mengekalkan ciri-ciri warisan Melayu.

Selain itu, rumah warisan ini mengambil nama sempena nama pahlawan Melayu. Antaranya ialah Mat Kilau, Tok Pauh, Tok Gajah, Tok Pulau Manis, Hj. Abd Rahman Limbong dan Tok Kenali. Antara rumah warisan yang menarik yang terdapat di resort ini ialah rumah yang berusia 150 tahun yang merupakan rumah persinggahan pahlawan Mat Kilau. Oleh itu, kita dapat lihat di Negeri Terengganu mempunyai keunikan dalam seni bina tradisional Melayu. Ini dibuktikan menurut Mohd Yusuf Abdullah (2012), beliau menyatakan seni bina tradisional Melayu dapat dijadikan nilai yang berharga dalam seni bina Melayu dan dapat menjadi simbol tamadun bagi sebuah bangsa. Kita dapat disimpulkan bahawa, seni bina bangunan tradisional yang dibina dahulu mempunyai kemahiran dan kehalusan dalam membangunkan rumah-rumah mereka. Oleh itu, kajian ini penting untuk masyarakat mengetahui seni bina tradisional Melayu dan ianya dapat

memudahkan pengkaji untuk membuat kajian disini. Dalam gambar 1 dan gambar 2 menunjukkan gambar rumah warisan yang terdapat di kawasan kajian.



Gambar 1 : Contoh rumah warisan

Sumber : [Google Images](#)



Gambar 2 : Contoh rumah warisan

Sumber : [Google Images](#)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Bagi sesebuah penyelidikan, permasalahan kajian ini penting dalam kajian ini. Terdapat beberapa masalah kajian yang menyebabkan pengkaji menjalankan kajian ini. Oleh itu, beberapa masalah yang ditemui oleh pengkaji dalam kajian ini.

Antaranya, rujukan bagi kajian rumah ini berkurang. Hal ini dikatakan demikian kerana, rumah warisan berada di kawasan luar bandar yang menyebabkan ramai orang kurang mengetahui tentang rumah ini. Lokasinya di luar bandar menyebabkan orang ramai kurang mengenali rumah warisan ini.

Seterusnya, masyarakat kurang pendedahan terhadap seni bina rumah warisan Melayu pada suatu masa dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi muda sekarang lebih tertumpu kepada teknologi. Ini dibuktikan seni bina warisan orang melayu ini kurang mendapat tempat dalam hati golongan muda kerana generasi muda kurang minat untuk mempelajari dalam seni dan budaya. Kita dapat melihat, dunia moden sekarang masyarakat lebih berminat untuk membuat rumah dengan reka bentuk yang kontemporari yang menyebabkan seni bina warisan Melayu semakin dilupakan. Oleh itu, dengan kajian ini pengkaji dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang keunikan serta keistimewaan seni bina Melayu supaya ianya masih relevan pada masa sekarang.

Akhir sekali, masyarakat tidak tahu kepentingan rumah warisan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat mengetahui rumah warisan ini diperbuat daripada kayu sahaja dan tiada keistimewaan mengenai rumah warisan ini. Tetapi masyarakat tidak mengetahui reka bentuk rumah warisan ini mempunyai pelbagai bentuk dan ragam hias yang dihasilkan oleh tukang rumah. Melalui kajian ini pengkaji akan memberi sedikit gambaran berkenaan motif yang digunakan dalam rumah warisan ini. Menurut berita harian dalam akhbar mereka yang tajuknya “Bina Bangunan seni bina Melayu” (2017) iaitu Tan Sri Rais Yatim merupakan penasihat sosio budaya Kerajaan Melayu dalam temubual menyatakan akan membina bangunan kerajaan yang bercirikan seni bina reka bentuk tradisional Melayu bagi memartabatkan seni bina warisan Melayu.

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji pelestarian terhadap rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort dan bagi mencapai tujuan kajian ini tiga objektif dengan telah dibentuk Bagi menjalankan kajian ini, terdapat tiga persoalan yang dikenalpasti berdasarkan kepada beberapa objektif yang hendak dicapai

1. Bagaimanakah sejarah pembinaan rumah warisan ini ?
2. Apakah daya tarikan atau keunikkan rumah warisan ini?
3. Bagaimanakah kaedah memelihara rumah warisan ?


1.5 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji pelestarian terhadap rumah warisan di Warisan Pahlawan Resort dan bagi mencapai tujuan kajian ini tiga objektif dengan telah dibentuk :

1. Mengenalpasti sejarah pembinaan Warisan Pahlawan Resort
2. Mengkaji keunikan seni bina rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort
3. Membincangkan kaedah pemeliharaan rumah warisan tersebut

1.6 Skop kajian

Lokasi rumah warisan ini berada di kawasan luar bandar iaitu Kampung Pauh, Kuala Berang. Kuala Berang merupakan sebuah mukim dan daerah di Hulu Terengganu. Kampung Pauh ini terletak kira-kira kurang 5 km dari pekan Kuala Berang dan mengikut sejarah Kampung Pauh ini dibuka kerana ia merupakan sebuah kampung yang menjadi tempat persinggahan tokoh ulama yang mengajar ilmu agama kepada penduduk sekitar. Manakala ada pendapat lain yang kampung ini, seorang ulama datang ke kampung melalui sungai dan menjumpai sebatang pokok pauh dan mula membuka penempatan di sini dan memandangkan pokok pauh berada di tebing sungai nama kampung ini diberi nama sebagai Kampung Pauh dan terus kekal hingga sekarang.



Peta 1 : Lokasi ke Warisan Pahlawan Resort

Sumber : Googles images

Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan tentang keunikan rumah tradisional yang berada di Warisan Pahlawan Resort, di Kampung Pauh Kuala Berang, Terengganu. Jarak Warisan Pahlawan Resort ini daripada Pekan Kuala Berang adalah kira-kira dalam 8 kilometer manakala dari Tasik Kenyir adalah lebih kurang 20 kilometer. Kajian ini juga memfokuskan kepada pekerja atau pengusaha bagi mengetahui pembinaan rumah warisan ini dan keunikan rumah ini. Seterusnya, pengkaji ingin mengetahui persepsi golongan yang bekerja di Warisan Pahlawan Resort terhadap seni bina rumah warisan ini. Akhir sekali, kajian ini untuk mengetahui peranan golongan yang bekerja di tempat ini dalam usaha untuk memelihara rumah warisan ini.

1.7 Kepentingan kajian

Melalui kajian ini telah memberi rujukan dan panduan kepada individu, masyarakat dan negara. Beberapa kepentingan yang digariskan adalah seperti berikut :

.7.1 Individu

Dalam kajian ini pengkaji dapat mengetahui sejarah seni bina rumah kayu di Warisan Pahlawan Resort ini. Pengkaji juga dapat mengetahui ciri-ciri reka bentuk rumah tradisional Terengganu dan mengetahui seni bina yang unik dan bernilai dalam menghasilkan rumah warisan ini. Ini kerana, bahan yang digunakan untuk membina rumah ini menggunakan bahan binaan yang mudah dicari iaitu seperti daun nipah, kayu dan lain-lain lagi. Kajian ini juga dilakukan untuk memberi pendedahan kepada pengkaji akan kepentingan seni pertukangan.

1.7.2 Masyarakat

Dalam penyelidikan ini, ia penting kepada komuniti untuk mengetahui tentang seni bina rumah warisan. Selain itu, masyarakat juga dapat mengetahui nilai atau keunikan rumah kayu yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam kemajuan teknologi sekarang, masyarakat kurang mengetahui tentang kesenian seni bina rumah tradisional warisan Melayu dan kurang mengetahui ciri-ciri reka bentuk rumah tradisional ini. Seterusnya, melalui cara pemeliharaan yang dilakukan oleh golongan tukang mahir dalam memastikan rumah kayu tersebut dalam keadaan baik dapat memberi panduan kepada masyarakat untuk mengendalikan rumah tersebut dengan baik.

1.7.3 Negara

Akhir sekali, kajian ini juga memberi kepentingan kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat memberi kesedaran kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara dan mempunyai usaha untuk melestarikan rumah tradisional daripada terancam. Selain itu ia juga memberi kesan kepada negara dalam sektor pelancongan budaya.

1.8 Kesimpulan

Pengkaji memilih tajuk kajian ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang rumah tradisional masyarakat Melayu. Ini kerana, rumah tradisional Melayu mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi motif ukiran, reka bentuk, dan sebagainya. Tidak dinafikan rumah tradisional di Malaysia ini mempunyai keunikan dan identitinya yang tersendiri serta melambangkan keistimewaan seni bina tempatan. Dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat mengetahui tentang rumah tradisional yang ada di Terengganu.

Akhir sekali, khazanah warisan yang ada di Malaysia perlu dipelihara dan dipulihara daripada terancam atau pupus. Hal ini dibuktikan kerana kebanyakan rumah tradisional kurang mendapat perhatian orang ramai dan masyarakat sekarang lebih menggemari rumah yang moden. Sikap sebegini menyebabkan rumah tradisional Melayu semakin pupus. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan yang penting dalam melestarikan rumah tradisional.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Bab dua ini menerangkan kajian lepas yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan ulasan yang dikaji pengkaji terdahulu. Maklumat ini dapat dicari melalui keratan akhbar, artikel dan sebagainya. Melalui penulisan ilmiah ini dapat membantu pengkaji sepanjang menjalankan ini. Bab ini juga dapat menyokong objektif dalam sesebuah kajian.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas boleh didefinisikan untuk membuat penyelidikan yang berpengetahuan dengan mengaitkan kajian oleh pengkaji terdahulu (Ahmad Sunawari Long, 2014). Nama lain bagi sorotan kajian ialah *literatur review*. Ia bertujuan untuk meninjau berkaitan bidang yang pengkaji telah ditulis oleh penulis yang lain. Dengan ini dapat memberi gambaran kepada pengkaji tentang latar belakang kajian kita. Pengkaji juga dapat akan menyemak semula berkaitan kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian serta teori yang dapat digunakan dalam kajian ini.

Sorotan ini merupakan satu penelitian secara sistematik dan secara jelas untuk menilai, mengenali, mentafsir penulisan oleh pengkaji terdahulu dan golongan yang pandai dalam bidang berkaitan dengan permasalahan kajian (Fink,1988).

Akhir sekali, sorotan kajian merupakan penulisan ringkasan yang mendalam terhadap bidang yang hendak dikaji (Loraine Blaxter, Christian Hughes & Malcom Tight, 2002). Kesimpulannya, sorotan kajian ini merupakan proses untuk menambah pengetahuan pengkaji dan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji untuk melaksanakan sesuatu kajian. Melalui sorotan kajian lepas, ia dapat membantu pengkaji dalam memahami objektif serta persoalan tentang kajian secara terperinci dan dapat mengetahui konsep dalam sesebuah kajian.

2.2.1 PELESTARIAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN

Pelestarian berasal dari kata lestari yang membawa maksud bersifat kekal dan tidak berubah. Di Indonesia penggunaan awalan pe- dan akhiran -an untuk menggambarkan proses atau upaya (Endarmoko, 2006). Manakala menurut J.M Dureau dan D.W.G. Clements (t.th), ia boleh membawa maksud dari segi teknik, cara penyimpanan, tenaga untuk melestarikan sesuatu senibina. Pelestarian meliputi tiga jenis aktiviti iaitu ia bertujuan untuk mengawal persekitaran serta memenuhi keperluan memelihara bahan dan juga berkait rapat dengan usaha untuk mengekalkan sesuatu dengan cara pemulihan semula seni bina tersebut serta salah satu usaha untuk memelihara maklumat supaya tidak hilang kepada format yang lain. Menurut Gardijito (1991:91), setiap usaha ini perlu dikategorikan supaya aktiviti lain dapat dikembangkan secara terperinci dan spesifik.

Berdasarkan tiga jenis istilah ini dapat disimpulkan bahawa pemeliharaan merupakan suatu usaha untuk melestarikan sesuatu warisan. Menurut Alwasilah (2006: 12) ia merupakan proses atau tindakan untuk memelihara yang memerlukan strategi dan teknik berdasarkan keperluan dan keadaan. A.W. Widjaja (1986) nyatakan bahawa pelestarian atau pemeliharaan adalah satu proses yang dilakukan secara berterusan untuk mencapai maklumat tertentu dan untuk mengetahui kewujudan sesuatu benda. Melalui definisi ini, pengkaji dapat menyimpulkan pelestarian merupakan salah satu usaha untuk menjadikan suatu bahan tersebut tidak berubah dan dilakukan secara terus menerus untuk tujuan tertentu.

Pelestarian membawa maksud perlindungan terhadap senibina daripada mengalami kerosakan. Menurut Fatimah (2017), kekukuhan rumah Melayu tradisional bukan sahaja dilihat dari seni binanya, malah ia juga dapat dilihat dari segi struktur yang dianggap mempunyai keunikan dan teknologi pembinaanya pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan masyarakat pada zaman dahulu mempunyai kemahiran dalam menghasilkan rumah tradisional. Proses perlindungan atau pemeliharaan bagi bangunan warisan memerlukan pengurusan yang sistematik dan perlu menggunakan tenaga pakar. Ini kerana proses ini memerlukan tenaga pakar atau pihak yang berkepentingan untuk mengurus dan merancang

untuk memelihara tapak dan bangunan warisan supaya tidak pupus dan sentiasa dalam keadaan yang baik (Rosniza, 2017).

Selain itu, kajian Solihah et a. (2015) yang berkaitan dengan pengurusan bandar warisan telah memberi fokus kepada komuniti tempatan. Melalui kajian ini, beliau telah mengkaji penglibatan komuniti dan hasil kajian beliau mendapati komuniti menunjukkan minat dalam memelihara bangunan warisan tetapi pihak berkepentingan tidak melibatkan peranan komuniti. Tambahan pula, satu kajian A. Ghafar (2009) menyatakan bahawa sesetengah bangunan warisan yang ada di Malaysia kurang dipelihara dengan baik dan kebanyakannya dalam keadaan yang teruk disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan tersebut. Oleh itu, dalam memelihara bangunan, kerajaan mahupun komuniti setempat perlu melibatkan diri supaya bangunan ini dapat dijaga daripada terancam.

Menurut Saleh Hashim dan Amalina Abdullah (2020) yang membuat perbandingan antara konsep pelestarian dari perspektif Barat dan pandangan Islam berkaitan dengan pelestarian. Pelestarian menurut pandangan Islam menekankan konsep manusia bertanggungjawab dalam menguruskan alam. Idea pelestarian ini mempunyai perbezaan antara pandangan Islam dan pandangan Barat. Hal ini kerana, pandangan Barat lebih menekankan kepada material serta tidak menekankan aspek kerohanian. Ini berbeza dengan pandangan Islam yang menitikberatkan nilai murni yang seimbang dari rohani dan jasmani. Menurut Baharuddin (2017), pelestarian boleh dicapai dengan cara hidup seseorang yang mengandungi prinsip Sharia'ah. Dari perspektif Islam, ia merujuk kepada apa yang ada di dalam Al-Quran dan amalan sunnah. Manakala, ada juga pendapat dari Hassan (2007) yang menyatakan pelestarian mengikut perspektif Islam merujuk kepada perlindungan alam sekitar dan berkaitan dengan isu sosial dari segi etika, moral, politik dan ekonomi adalah faktor kelestarian.

KELANTAN

Dalam artikel Sudirno, A. (2003), ada menyatakan berkaitan dengan teori pelestarian menurut piagam yang ada di dunia. Dalam artikel beliau, beliau ada menyatakan definisi pelestarian dalam piagam Burra Charter (1981) yang membawa maksud proses untuk mengurus serta mengekalkan sesuatu tempat dari segi budaya dengan mengikut kesesuaian tempat. Dalam piagam Indonesia juga memberi maksud usaha perlindungan, pemantauan, pengawasan dan untuk menjaga sesuatu bangunan daripada terancam. Beliau berpendapat secara umumnya, pelestarian merupakan satu proses untuk memelihara sesuatu yang bernilai dari segala aspek iaitu politik, ekonomi, sosial supaya budaya yang ada pada bangunan tidak lenyap. Dalam penulisan beliau, ada menyatakan skop objek pemeliharaan. Konsep pelestarian pada mulanya hanya memberi perlindungan kepada bangunan sahaja tetapi jika mengikut perkembangan ia bukan terhad kepada bangunan sahaja, tetapi melibatkan tempat-tempat yang bersejarah termasuklah kampung yang mempunyai nilai sejarah.

Dalam artikel oleh Sarah Mohd Hilme, M.F.I Mohd Nor dan Mohd Hisyamuddin Kassim (2020) yang bertajuk 'Kaedah penerapan kelestarian pada bangunan tinggi di Korea Selatan' telah melihat konsep kelestarian bukan sahaja merangkumi teknologi hijau tapi juga melibatkan aspek alam sekitar, ekonomi dan kemanusiaan. Kajian ini dilakukan untuk memahami konsep pelestarian dari sudut global dan juga dapat dilihat pada bangunan melalui kajian kes. Ini dibuktikan kajian kes yang dibuat pada dua bangunan di Korea Selatan untuk mengetahui usaha penerapan pelestarian pada bangunan berkenaan itu. Sebagai contohnya, bangunan Amorepacific HQ di Seoul Korea Selatan. Dalam penulisan berkenaan, penulis menyatakan arkitek yang mereka bentuk bangunan menekankan aspek pelestarian alam sekitar. Ini dibuktikan, usaha pelestarian dalam reka bentuk bangunan ini dapat dilihat dari segi adanya bukaan pada halaman tengah bangunan supaya memaksimumkan keberkesanan aliran udara dan pencahayaan secara semula jadi. Melalui pendekatan yang dilakukan oleh arkitek ini boleh diguna pakai oleh arkitek di Malaysia dalam mereka bentuk bangunan yang mempunyai usaha untuk melestarikan alam sekitar.

2.2.2 SENI BINA RUMAH MELAYU ATAU RUMAH WARISAN

Satu kajian literatur oleh Mashitah Sulaiman (2021) yang bertajuk ‘Kearifan Tempatan Dalam Seni Bina Rumah Tradisional Melayu: Warisan Bernilai yang Dilupakan telah menjelaskan tentang seni bina rumah tradisional Melayu. Rumah tradisional Melayu merupakan warisan secara turun-temurun dan menjadi warisan kebudayaan di Alam Melayu. Hal ini kerana, seni bina rumah tradisional ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan mempunyai nilai estetika dari segi reka bentuk dan seni ukiran yang sebagai lambang tamadun Melayu (Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim, 2007: 280).

Seterusnya, dalam kajian ini juga beliau menjelaskan tentang kearifan tempatan dalam mencipta seni bina Melayu. Melalui kearifan tempatan dalam mencipta seni bina rumah tradisional Melayu akan lahirnya seni pertukangan yang sangat unik. Hal ini kerana, seni pertukangan mempunyai kehalusan yang terperinci, teknik serta pemilihan bahan binaan yang betul dapat menghasilkan seni bina rumah yang baik. Selain itu, seni bina Melayu dapat dikaitkan dari segi amalan, budaya, agama serta adat resam masyarakat pada zaman dahulu. Ini dapat menghasilkan ciri binaan yang tinggi nilai dan mempunyai keunikan dalam seni binanya.

Seni bina Melayu merupakan salah satu bidang seni yang memerlukan kemahiran, kreativiti dan pembuatan rumah secara lebih terperinci (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiulfuad Yahya, 2005: 7). Oleh itu, pengkaji ada menjumpai satu kajian yang dilakukan oleh Siti Norlizaiha Harun (2005), yang membuat kajian ke atas pengaruh seni bina ke atas bangunan yang ada di Malaysia. Kajian ini berfokuskan kepada reka bentuk rumah yang ada di Malaysia dan mempunyai bentuk ragam hias dan juga mempunyai pengaruh luar. Selain itu, kajian beliau juga menyentuh seni bina rumah Melayu mendapat pengaruh kolonial dari gaya seni bina dan reka bentuk bangunan.

Tambahan pula, beliau ada menyebut tentang seni bina rumah Melayu dan pengaruh seni bina di Malaysia. Teknologi yang digunakan dalam membina rumah Melayu menggunakan bahan yang mudah, ringkas dan daripada alam semulajadi. Ia boleh dilihat daripada bahan yang digunakan untuk membina rumah Melayu berasaskan kepada kayu, nipah, rumbia dan sebagainya. Dalam rumah Melayu, bahan yang digunakan untuk membuat tiang, lantai, rasuk dan dinding adalah diperbuat daripada kayu. Seterusnya, bentuk di bahagian bumbung adalah curam dan berfungsi untuk melindungi rumah daripada tempias hujan. Ini dibuktikan, bahawa setiap pembinaan dalam rumah Melayu mempunyai falsafah dan fungsi yang tersendiri.

Dalam penulisan jurnal oleh Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md Jahi dan Aziz Ujang (2008), ada menyatakan pengaruh adat resam dalam pembinaan rumah Melayu tradisional. Dalam penulisan mereka, ada menyatakan bahawa rumah Melayu ini menjadi lambang kehidupan orang Melayu dan juga rumah ini sebagai tempat tinggal atau tempat untuk berlindung. Oleh itu, untuk membina rumah Melayu, orang Melayu menitikberatkan ciri-ciri yang berlandaskan nilai budaya yang ada dalam masyarakat Melayu. Ciri keunikan dalam pembinaan rumah Melayu bukan sahaja dilihat dari segi corak serta ukiran pada rumah tersebut tetapi juga dari segi bahan, upacara, kedudukan rumah dan sebagainya. Ini kerana, pengaruh budaya dan adat resam sangat ditekankan dalam pembinaan rumah tradisional. Nilai budaya yang dominan dilihat dari sudut agama Islam, adat dan tradisi Melayu yang mana ia boleh dilihat dari bentuk atap rumah berkenaan. Dalam pembinaan rumah Melayu terdapat beberapa upacara sebelum pembinaan rumah Melayu dijalankan antaranya upacara gotong-royong, beramu, pemilihan tapak yang sesuai, mematikan tanah dan menaiki rumah. Upacara ini bertujuan untuk menjaga penghuni rumah tersebut serta dapat menghindari malapetaka. Seterusnya, penggunaan peralatan dalam setiap upacara juga mempunyai nilai serta maksud yang berkaitan dengan kebudayaan Melayu. Menurut tradisi Melayu, terdapat ciri-ciri dari segi ukuran, jenis kayu, arah rumah itu menghadap dan pengaruh adat melayu. Dalam pembinaan rumah Melayu, jenis tiang yang digunakan mempunyai makna tertentu. Ini dibuktikan, struktur rumah Melayu mempunyai bendul yang bertujuan sebagai batas. Ini untuk membezakan tetamu lelaki yang dibenarkan masuk apabila rumah tersebut tidak ada lelaki.

Dalam kajian oleh Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi dan Mohammad Faisal (2012), menceritakan bagaimana kegunaan ukiran kayu Melayu dalam seni bina Malaysia. Seperti yang diketahui, untuk mengenalpasti seni bina Melayu boleh dilihat dari segi seni ukiran kayu yang ada pada sesebuah bangunan atau rumah Melayu. Menurut kajian ini, mereka mendapati bahawa penggunaan kayu untuk seni bina bangunan semakin berkurang dan diganti dengan bahan yang lain. Ini dapat dilihat menerusi penggunaan logam untuk menghiasi ruang sebuah hotel. Dalam kajian ini juga, penyelidik mendapati golongan generasi muda kurang minat mempraktikkan bidang ukiran kayu. Ini dapat dilihat apabila banyak bangunan yang ada di Malaysia mengabaikan ciri-ciri seni bina tempatan sehingga identiti ciri seni bina Malaysia semakin hilang. Melalui pemerhatian serta pembacaan dalam artikel ini, punca pengabaian seni ukiran kayu Melayu adalah kerana arkitek muda kurang pengetahuan berkaitan ukiran kayu tempatan.

Seterusnya, dalam kajian oleh Kamarul Azizi Kosman dan Nik Lukman Nik Ibrahim (2007) menceritakan bahawa elemen seni bina Melayu boleh membawa kepada identiti seni bina nasional. Kerajaan dilihat telah melakukan pelbagai usaha untuk menerapkan elemen seni bina Melayu pada reka bentuk bangunan. Ia dilihat berkesan pada peringkat awal dan mula merosot pada tahun ke-80an. Hal ini kerana, golongan arkitek muda yang tamat pengajian mengeluarkan fahaman baru tentang gaya seni bina yang mempunyai pengaruh asing. Selain itu, arkitek muda kurang faham tentang maksud serta fungsi mewujudkan identiti nasional. Oleh itu, kajian ini perlu untuk memberi pengetahuan kepada golongan arkitek muda mengenai elemen dan nilai yang terdapat dalam seni bina Melayu. Dalam kajian ini juga, terdapat segelintir arkitek menerapkan seni bina Melayu ke dalam seni bina moden tetapi terdapat isu berkaitan dengan 'Seni bina beton' dan 'potong dan tampal'. Seni bina beton ini merupakan reka bentuk yang meniru reka bentuk Melayu tetapi ia dibesarkan dengan beberapa kali ganda. Melalui pendekatan ini membawa kesan negatif kepada masyarakat antarabangsa kerana mereka beranggapan pemikiran masyarakat tentang seni bina di Malaysia tidak berkembang. Masalah-masalah yang timbul ini menyebabkan sukar untuk membina identiti nasional.

Selain itu, Muhamat Hamzah (2014:11) menjelaskan bahawa seni bina islam banyak mempengaruhi pembinaan rumah tradisional Melayu dan menjadi lambang kepada kekuasaan Tuhan. Ini dibuktikan, masyarakat Melayu percaya ruang bawah pada rumah Melayu boleh menjadi lambang kepada alam barzakh. Ini kerana, bahagian bawah rumah tersebut merupakan tanah dan menjadi lambang kepada kembalinya manusia kepada pencipta-Nya. Pada bahagian tengah pula, dijadikan tempat ruang tamu atau ruang harian yang berperanan sebagai konsep kehidupan manusia di dunia.

2.2.4 RUMAH TRADISIONAL TERENGGANU

Menurut kajian literatur oleh Aziz Deraman (t.th), telah menyentuh tentang bangunan tradisional Melayu yang ada di Terengganu. Dalam kajian beliau, antara bangunan tradisional Melayu yang ada di Terengganu adalah seperti masjid, wakaf dan rumah tradisional. Tambah beliau lagi, untuk mengenalpasti rumah Melayu kita boleh lihat dari segi bentuk bumbung rumah. Di Terengganu terdapat rumah yang dikenali sebagai 'Rumah Gajah Menyusu'. Bagi membezakan rumah ini dengan rumah yang lain, ia dapat dilihat dari segi bumbung rumah yang berbentuk panjang dan mempunyai tabir layar atau dikenali sebagai dangau atau teratak. Beliau turut menjelaskan terdapat tiga jenis Rumah Gajah Menyusu yang ada di Terengganu iaitu bentuk rumah Gajah Menyusu Bersorong, Rumah Gajah Menyusu iaitu Penjuru rumah ibu mempunyai ukuran yang kecil berbanding dapur dan penjuru Rumah Gajah Menyusu berbentuk pisang sesikat.

Seterusnya, Rumah Berserambi merupakan rumah yang popular di Terengganu. Bentuk bumbung rumah ini adalah panjang dan melintang serta kebiasaannya, rumah ini memiliki dua pemeleh yang besar dan tebal. Rumah ini juga dikenali sebagai Rumah Berpeleh di Negeri Terengganu dan rumah ini juga dikenali dengan nama lain berdasarkan ruang dan tiang. Jika rumah ini dibina menggunakan tiang enam batang, ia dikenali sebagai 'rumah bujang', manakala dua unit rumah tiang enam digabungkan dikenali dengan nama Rumah Tiang Enam Berkembar. Apabila rumah ini mempunyai tiang dua belas rumah ia dipanggil Rumah Berserambi.

Di Terengganu juga, terdapat rumah perabung yang panjang. Rumah ini menggunakan tiga keping pemeleh pada hujung perabung dan rumah ini juga dikenali berserambi selasar. Keistimewaannya, rumah ini boleh ditambah atau bersifat 'keluwesan'. Seterusnya, rumah ini mempunyai ukiran tertentu di bahagian dinding, pintu dan tingkap. Ciri lain bagi rumah ini ukuran tiang yang besar dan tinggi daripada tanah

Rumah perabung lima atau Limas Bungkus pula mempunyai lima batang perabung. Bagi mudah mengenali rumah ini dari segi bumbung yang menggunakan satu perabung lurus dan mempunyai empat buah perabung yang menurun ke atap. Orang ramai berpendapat rumah ini mempunyai pengaruh pada reka bentuk Belanda yang mempunyai ciri serta motif yang indah yang melambangkan status pemilik rumah tersebut.

2.3 KERANGKA TEORI

Kerangka teori merupakan salah satu elemen yang penting untuk sesebuah kajian. Hal ini kerana, ia dapat menyokong kajian dalam sesebuah penyelidikan. Ia dapat dikaitkan hubungan antara konsep yang dapat membantu kita memahami sesebuah fenomena mahupun memastikan pengkaji tidak lari dari fokus asal kajiannya.

2.3.1 Teori estetika

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih teori estetika. Teori ini merupakan satu cabang falsafah yang mengkaji keindahan pada seni bina, lukisan, ukiran dan sebagainya dari segi warna, motif dan bentuk. Estetika juga boleh didefinisikan dari segi daya tarikan, kecantikan, nilai unik yang ada pada seni bina dan kepentingan seni bina tersebut menurut (Wilkinson, 1903). Manakala, Von de Wall (1877) estetika adalah bermaksud menarik, berharga, penting dan minat.

Manakala, perkataan indah boleh dikatakan sinonim dengan istilah cantik, berharga dan sesuatu yang indah. Menurut Winstedt perkataan cantik boleh disinonimkan dengan istilah *beautiful* dalam bahasa Inggeris. Perkataan-perkataan ini bertujuan untuk memerihalkan keindahan manusia, benda, tempat dan perbuatan. Melalui definisi ini didapati keindahan bukan sahaja boleh dilihat dari mata tetapi melalui pengalaman pancaindera yang boleh dinikmati melalui jiwa dan akal.

Selain itu, estetika merupakan pembelajaran tentang falsafah kecantikan dan merupakan pandangan luar tentang sesuatu seni yang terhasil. Menurut Beardsley (1966), estetika adalah cabang falsafah dan di sinilah ciri-ciri seni dinilai. Morris Weitz (1959) sesuatu objek ini dicipta untuk memberi kesan keindahan yang bukan sahaja mempunyai fungsi tetapi dapat melahirkan rasa senang hati. Dalam menghayati estetika atau keindahan, khalayak seni akan tertarik kepada sesuatu objek yang indah dan boleh menimbulkan ketenangan sehingga melahirkan kebebasan dan kesempurnaan pada jiwa (Ku Zam Zam, 1984). Dalam konteks kebudayaan, bidang yang berfungsi memenuhi nilai estetika manusia ialah bidang kesenian.

Seni Melayu merupakan satu seni yang dihasilkan berlandaskan karya yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Estetika seni Melayu mementingkan pemilihan motif yang menyelitkan perkara yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Hal ini kerana, penghasilan motif pada ukiran seni bina rumah Melayu Tradisional berasaskan tumbuh-tumbuhan atau alam semulajadi yang tidak bercanggah dengan nilai Islam. Selain itu, motif yang digunakan menggalakkan susunan motif berbentuk geometri dan menitikberatkan prinsip harmoni dan kesatuan garisan yang tidak bercanggah dengan Islam (Othman Mohd. Yatim, 1989).

Sebagai contoh, teori dapat dikaitkan dengan tajuk kajian ini kerana seni bina rumah tradisional dari segi ukiran dan simbol dalam seni bina tersebut mempunyai makna dan nilai yang tinggi. Hal ini dibuktikan dalam seni bina rumah tradisional Melayu ukiran yang digunakan menggunakan motif flora dan fauna. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan pendekatan teori estetika dalam kajian ini bagi menginterpretasikan keindahan dalam seni bina rumah yang ada di Warisan Pahlawan Resort.

2.4 KESIMPULAN

Keseluruhan bab ini, pengkaji telah memperolehi beberapa kajian yang terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Dalam bab ini juga, dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan boleh merujuk kajian lepas yang berkaitan dengan seni bina rumah tradisional yang ada di Terengganu. Selain itu, ia dapat memberi gambaran kepada pengkaji untuk mendapatkan data sekunder bagi kajian ini.

Pengkaji turut mendapati bahawa ilmu pengetahuan tentang kebijaksanaan masyarakat tempatan dalam pembinaan rumah Melayu tradisional. Menerusi reka bentuk rumah Melayu tradisional yang kaya dengan nilai falsafah, struktur dan fungsi yang tersendiri. Selain itu, pengkaji juga dapat menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan struktur rumah Melayu yang dan banyak dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu.

Seterusnya, bab ini turut membincangkan teori yang pengkaji guna untuk menyokong kajian pengkaji. Melalui teori yang digunakan, dapat dikaitkan dengan tajuk keunikan seni bina rumah Melayu dari segi motif, ukiran, reka bentuk dan sebagainya. Seperti yang dikatakan, rumah Melayu dibina menggunakan bahan secara semulajadi dan boleh bertahan sehingga ke hari ini.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Dalam metodologi, pengkaji dapat mengenal pasti cara yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan bagi menjawab permasalahan kajian. Dalam bab ini, terdapat beberapa kaedah yang pengkaji akan gunakan untuk mengumpul data dan bagaimana untuk menganalisis data. Bab ini juga memberi pengenalan kepada pengkaji tentang bagaimana kaedah metodologi yang bersesuaian untuk digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang benar dan terperinci.

Seterusnya, antara perkara yang terdapat dalam metodologi ini ialah dari segi pendekatan reka bentuk kajian, kaedah kajian yang digunakan dan sebagainya. Selain itu, untuk mendapatkan data yang betul perlu menitikberatkan pengumpulan data yang betul yang dapat diperolehi hasil pada data primer dan data sekunder. Dalam bab ini juga memberi pendedahan kepada pengkaji untuk menggunakan kaedah yang sesuai bagi menganalisis data dan mencapai objektif kajian.

3.2 PENDEKATAN

Pendekatan kajian kes telah digunakan oleh pengkaji dalam kaedah kualitatif ini. Kajian kes ini untuk menerangkan secara terperinci tentang suatu fenomena atau unit sosial dari segi individu, kumpulan, institusi atau komuniti tersebut. Ia bertujuan untuk mengetahui tingkah laku individu atau berlakunya perubahan sosial yang berlaku (Mortada, 2020). Pendekatan kajian kes yang baik mempunyai ciri seperti berikut (Kardos dan Smith, 1979) iaitu mengambil dari kehidupan yang sebenar dan ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang benar dan boleh menyelesaikan masalah yang dikaji.

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan salah satu pelan tindakan untuk melihat secara terperinci cara untuk menjalankan sesuatu kajian. Reka bentuk kajian juga berperanan sebagai panduan untuk pengkaji mendapatkan maklumat dan mentafsir maklumat berkaitan kajian. Ia menjadi rujukan tentang objektif kajian (Sabitha, 2006).

Menurut Sekaran dan Bougie (2009), reka bentuk merupakan satu proses yang mengandungi beberapa elemen iaitu pengumpulan data, persoalan kajian, analisis data dan sebagainya. Manakala, Bryman (2008) berpendapat bagaimana pengkaji perlu merangka dan menggunakan kerangka ini untuk mendapatkan data serta menganalisis data. Ini membuktikan setiap pengkaji terdahulu mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan dengan reka bentuk kajian.

Melalui reka bentuk kajian dapat memainkan peranan dan berkait rapat dengan tujuan, teori, persampelan kajian dan kaedah kajian (Robson, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan untuk menganalisis data, pengkaji akan menggunakan kaedah tematik analisis.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bentuk data kualitatif adalah dari segi temu bual, pemerhatian dan analisis kajian. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mentafsir, menilai serta memberi gambaran tentang perkara yang dikaji (Saryono, 2010). Menurut Marohaini (2001), kaedah kualitatif ini dijalankan untuk memberikan kefahaman secara terperinci berkaitan dengan sesuatu yang dikaji manakala Yin (1984) juga menyatakan kajian kualitatif ini untuk mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Kaedah kualitatif ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berfokus dalam mengkaji sesuatu (Lincoin dan Denzin, 1994). Melalui kaedah kualitatif, ia berperanan untuk mendapatkan data yang berbentuk deskriptif. Data deskriptif merupakan data yang berbentuk lisan dengan menggunakan perkataan yang jelas (Bodgan & Taylor, 1975). Dalam kaedah ini, ia lebih bersifat terbuka serta data-data yang

diperoleh adalah bersifat numerik bagi mendapatkan maklumat, kaedah yang akan digunakan temu bual, analisis dokumen pemerhatian dan sebagainya untuk menjawab segala objektif dan persoalan kaedah ini digunakan.

3.4 PENGUMPULAN DATA

Dalam mengumpul data, pengkaji perlu menggunakan kaedah yang betul supaya data yang diperolehi oleh pengkaji adalah sahih dan sesuai dengan kajian yang dijalankan. Kebiasaannya, data yang diperolehi menggunakan beberapa kaedah dari pelbagai sumber. Sumber data yang diperolehi terbahagi kepada data primer dan sekunder.

3.3.1 Data Primer

Sabitha Marican (2005) berpendapat bahawa data ini merupakan data asli yang diambil oleh pengkaji bagi menjawab objektif kajian. Maklumat bagi data ini diambil menggunakan kaedah temu bual dan kaedah lapangan. Kebiasaannya, data ini diperolehi daripada individu atau pakar manakala sumber diperolehi dari kajian lapangan seperti temu bual dan pemerhatian.

i) Kaedah temu bual

Kaedah ini melibatkan pengkaji dengan orang yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jawapan daripada temu bual akan dijadikan sebagai rujukan. Temu bual ini dijalankan secara lisan yang memfokuskan kepada kumpulan atau orang yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Oleh itu, responden yang diambil untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian terdiri daripada pengusaha dan pekerja serta pihak yang terlibat dalam memelihara tempat ini. Bagi merakam sesi temu bual ini pengkaji akan merakam audio semasa sesi temu bual ini. Ia bertujuan memudahkan pengkaji untuk mendengar semula perbualan tersebut dan dapat ditulis dalam bentuk transkrip sebagai rujukan.

ii) Kaedah pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu langkah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukur pemboleh ubah dalam kajian. Kaedah ini juga boleh membantu pengkaji mendapatkan maklumat selain kaedah temu bual. Kaedah pemerhatian ini perlu dilakukan secara sistematik bagi mencapai objektif kajian (Malek Muhamat Said, 2007). Ia bertujuan untuk membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat secara terperinci berdasarkan objektif kajian.

Pemerhatian akan dilakukan di Kampung Pauh, Kuala Berang. Pengkaji akan pergi ke kawasan kajian ini untuk melihat rumah warisan dan keunikan rumah warisan. Melalui kajian lapangan ini, pengkaji akan mendapat maklumat yang diperlukan dengan mencatat, merekod serta mengambil gambar sebagai bukti kajian telah dijalankan.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang sedia ada dan diperoleh melalui kajian lepas dari pengkaji yang terdahulu. Melalui data sekunder, pengkaji boleh mengaitkan maklumat tersebut dengan kajian yang dijalankan. Antara kelebihan yang pengkaji dapat dalam mengumpul data sekunder ini ialah dapat menjimatkan masa dan wang. Hal ini kerana, maklumat yang diinginkan pengkaji mudah dicari dan bersifat sedia ada. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data sekunder ialah kaedah perpustakaan dan kaedah internet.

i) Kaedah kepustakaan

Pengkaji menggunakan kaedah keperustakaan untuk mendapatkan dan mengumpul penulisan serta bahan rujukan berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam kaedah kepustakaan ini, pengkaji akan pergi ke pustaka dan mencari buku dan jurnal berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Rumah Tradisional Terengganu.

ii) Kaedah internet

Kaedah internet digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan tajuk kajian ini. Melalui internet ini, pengkaji mendapat maklumat dari jurnal, artikal, akhbar atas talian yang menceritakan mengenai rumah warisan. Selain itu, internet juga dapat memudahkan pengkaji untuk mendapat gambaran awal tentang rumah warisan ini. Bagi mendapatkan maklumat mengenai tajuk pengkaji mengumpul data melalui *Google Scholar*.

3.5 PENSAMPELAN DATA

Pensampelan kajian merupakan kaedah yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan maklumat daripada lokasi kajian (Masri, 2006). Manakala Majid (2000), populasi tepat dapat ditentukan maklumat yang dicari kerana ia dapat melihat bagaimana segala maklumat dapat dikumpul untuk tujuan analisis. Proses pemilihan responden yang hendak ditemu bual dengan tajuk kajian ini merupakan pensampelan kajian (Madri, 2002). Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian kerana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif.

3.4.1 Persampelan Bebola Salji

Pengkaji menggunakan pensampelan bebola salji kerana ianya memenuhi kriteria yang ditetapkan. Melalui kaedah, pensampelan tersebut akan memperkenalkan sampel lain yang mempunyai kriteria yang sama. Ia digunakan apabila pengkaji tidak menjumpai data yang diperlukan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji akan meneliti dahulu populasi serta kriteria yang diperlukan dan ia digunakan secara berterusan sehingga pengkaji menjumpai responden yang ditetapkan menepati kriteria tersebut.

| Responden | Umur | Pekerjaan | Kaedah Temu bual |
|------------------|-------------|------------------|-------------------------|
| Responden 1 | 32 tahun | Pekerja | Bersemuka |
| Responden 2 | 60 tahun | Pemilik resort | Bersemuka |
| Responden 3 | 35 tahun | Pekerja | Dalam talian |

Jadual 1 : Demografi responden

3.6 ALAT BANTU KAJIAN

Alat bantu dapat membantu untuk mencatat segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Ia penting bagi merakam, menyimpan serta merekod data yang pengkaji dapat ketika melakukan kajian. Antara alat bantu yang digunakan dalam kajian ini ialah telefon bimbit dan buku catatan.

4) Telefon bimbit

Pengkaji akan menggunakan telefon untuk memperolehi data berkaitan dengan kajian. Alatan ini digunakan untuk mengambil gambar dan juga untuk mencari maklumat. Ini kerana gambar yang diambil semasa kajian dijalankan dapat dijadikan bukti pengkaji telah pergi ke tempat kajian. Telefon bimbit juga membantu pengkaji untuk merakam audio semasa proses temubual yang dijalankan.

ii) Buku catatan

Buku catatan merupakan alat bantu yang penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Ini kerana, pengkaji dapat mencatat segala maklumat yang diperolehi semasa proses temu bual dengan responden. Segala maklumat yang penting akan dicatat dalam buku catatan untuk memudahkan pengkaji merujuk semula data tersebut. Oleh itu, buku catatan ini perlu disimpan secara baik supaya maklumat tersebut tidak hilang atau tercicir.


3.7 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan teknik dalam reka bentuk kajian berbentuk kualitatif untuk membantu pengkaji mendapatkan data dalam sesuatu kajian. Ia juga berfungsi sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan persoalan dalam kajian ini (Prawiro, 2018). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan data yang dianalisis perlu disusun bermula dengan mengumpul data, menyusun, analisis data, merekod serta membuat kesimpulan terhadap kajian ini. Pengkaji juga menggunakan sumber sekunder dalam mengenal pasti dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dikaji. Melalui sumber sekunder, ia dapat membantu pengkaji menyokong data yang dikumpul oleh pengkaji bersama responden yang dipilih.

3.7.1 Teknik Tematik

Dalam mendapatkan data melalui pendekatan kualitatif ini, pengkaji memilih untuk menggunakan analisis tematik dalam kajian ini. Teknik tematik merupakan salah satu teknik untuk menganalisis data kualitatif dan data dari teknik tematik boleh melibatkan pembacaan dari data yang pengkaji dapat untuk mendapatkan tema dalam kajian ini. Ia juga melibatkan proses refleksi dimana pengkaji dapat pengalaman semasa di kajian lapangan. Menurut Osman (2003), teknik ini dapat menyelesaikan persoalan dalam kajian ini. Dalam menggunakan analisis data tematik ini, pengkaji dapat mengembangkan pelbagai tema daripada sesuatu data yang diperolehi oleh pengkaji, tetapi pengkaji perlu meneliti tema yang sesuai supaya tidak menyimpang dengan data yang telah ditetapkan. Pengkaji telah menggunakan teknik tematik oleh (Braun dan Clark, 2006), yang menyatakan bahawa menganalisis data untuk menemukan tema menerusi data yang diperolehi pengkaji. Dalam menggunakan analisis tematik ini, terdapat beberapa proses yang perlu dilakukan iaitu membiasakan diri dengan data, pengekodan, mencari tema, menyemak tema, mentakrif tema dan menghasilkan laporan.

KELANTAN



Rajah 1 : Proses tematik analisis oleh (Braun dan Clark, 2006)

Sumber : [Google Images](#)

Langkah yang pertama perlu dilakukan oleh pengkaji dalam menganalisis data adalah membiasakan diri dengan data yang dikumpul. Ia bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pengkaji tentang maklumat yang dikumpul. Melalui langkah ini, kebiasaanya pengkaji perlu membaca, meneliti dan menganalisis data serta perlu mencari makna, corak dan sebagainya tersebut secara berulang kali supaya memudahkan pengkaji pengekodan data tersebut. Pengkaji perlu membaca keseluruhan data yang dikumpul untuk membentuk idea, tema semasa pembacaan data. Seterusnya, transkripsi data. Data yang dikumpul oleh pengkaji perlu ditranskripsikan kedalam bentuk bertulis. Proses ini memakan masa yang lama, tetapi ia menjadi cara yang terbaik untuk pengkaji membiasakan diri dengan data pada peringkat awal (Riessman, 1993). Menurut Bird (2005 : 227) menyatakan bahawa ini merupakan peringkat awal dalam menganalisis data dalam metodologi kualitatif. Bagi mengubah teks lisan pada teks tulisan pelbagai konvensyen telah wujud dan sistem transkripsi ini dibangunkan untuk membentuk analisis khusus. Tujuan proses transkripsi, untuk mengekalkan maklumat atau data supaya tidak mengubah data yang asal. Proses ini juga dapat memberi pemahaman yang lebih terperinci tentang data dan pengkaji perlu membuat pemerhatian yang rapi supaya memudahkan pengkaji semasa menyalin data serta memudahkan tafsiran untuk menganalisis data (Lapadat dan Lindsay, 1999). Proses ini penting, untuk membantu pengkaji dalam membiasakan diri dengan data.

Langkah yang kedua ialah pengkodan. Apabila pengkaji telah memahami data serta dapat mengenal pasti idea daripada data tersebut, pengkaji perlu mengeluarkan kod daripada data yang diperolehi. Menurut Miles dan Huberman (1994), proses ini sebahagian daripada analisis data dan pengkaji perlu menyusun data menjadi kumpulan (Tuckett, 2005). Pengkodan ini boleh jadi sedikit atau banyak mengikut tema dan bergantung pada data atau soalan yang khusus berkaitan dengan tajuk. Proses ini, bertujuan untuk mengenal pasti keseluruhan kod atau boleh mengenal pasti kod yang tertentu sahaja daripada data yang ditranskripsi. Pengkodan ini boleh dilakukan melalui perisian komputer atau manual. Dalam pengkodan, pengkaji perlu mengenalpasti kata kunci dari hasil pembacaan dalam proses transkrip. Pengkaji perlu mengenalpasti petikan dalam skrip tersebut dan perlu menyimpannya sebagai rujukan. Melalui proses ini, pengkaji perlu meneliti setiap maklumat yang dapat dengan berhati-hati dan perlu disemak secara berulang kali supaya setiap maklumat yang dapat betul. Menurut Kelli (1995), proses ini mempunyai dua fungsi iaitu setiap petikan mempunyai maklumat yang khas dan untuk mendapatkan fakta yang ada dalam maklumat menerusi data-data mentah.

Selain itu, mencari tema juga merupakan proses dalam menganalisis data. Menurut Boyatzis (1998), ia menggambarkan pola dari fenomena yang dikaji. Proses ini melibatkan, pengkaji perlu menyemak semua kod supaya dapat memastikan setiap kod yang dibentuk mempunyai maksud yang sama. Ia juga melibatkan proses menyusun kod yang berbeza mengikut tema yang dikenalpasti dalam data. Dalam mengenal pasti tema, pengkaji boleh menggunakan jadual bagi membentuk tema yang dapat dari data. Pengkaji perlu mencipta tema berdasarkan kod yang telah diasingkan. Ia bertujuan untuk memudahkan pengkaji dan pengkaji dapat mengumpul data yang diperlukan sahaja. Pengkaji juga perlu melakukan proses ketepatan maklumat supaya data yang diperolehi tepat dan sah.

Langkah yang seterusnya adalah menyemak tema. Apabila proses mencari tema selesai, pengkaji perlu menyemak tema dari data tersebut bertujuan untuk mendapatkan tema yang betul. Ia melibatkan dua peringkat iaitu semakan kod pada data. Pengkaji perlu membaca semula tema yang dibentuk dan mengenal pasti sama ada ia berkait dengan kajian. Jika tema yang dibentuk tidak sesuai, pengkaji perlu mengolah semula atau mencipta semula tema yang baru ataupun membuangnya daripada analisis. Apabila pengkaji berpuas hati dengan tema yang dicari, pengkaji perlu menyemak keseluruhan tema yang dicari dalam data tersebut. Ia bertujuan untuk memastikan tiada tema atau kod tercicir semasa peringkat awal. Oleh itu, proses ini melihat bagaimana keseluruhan tentang data yang pengkaji perolehi.

Disamping itu, dalam menganalisis data melalui kaedah tematik ini, pengkaji perlu mentakrif dan menamakan tema. Langkah ini bertujuan, bagi memperhalusi tema atau mengenal pasti setiap tema yang dibentuk berkaitan dengan sesuatu perkara. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti tentang data tersebut. Sebagai contohnya, melalui tema yang dikenal pasti pengkaji perlu memberitahu cerita tentang tema tersebut dan cerita keseluruhan data berkaitan dengan persoalan kajian. Langkah ini, untuk memastikan tiada pertindihan tema.

Akhir sekali, pengkaji perlu memasukkan data-data ini di dalam laporan untuk menyempurnakan kajian tersebut. Dalam menulis laporan pengkaji perlu mengulas, menterjemahkan dan menyebarkan maklumat ini pada dapatan kajian. Bagi menulis laporan dapatan kajian maklumat perlulah diambil dari data-data yang pengkaji dapat. Oleh itu, hasil daripada analisis ini perlu dikumpul dan dijelaskan dalam bentuk laporan supaya dapat menyakinkan pembaca.

3.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini membincangkan berkaitan metodologi yang sesuai untuk digunakan pengkaji dalam mendapatkan maklumat ia melibatkan beberapa aspek seperti reka bentuk, pengumpulan data dan analisis data. Dalam bahagian pengumpulan data, ia terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer yang meliputi kaedah pemerhatian, lapangan dan temu bual kepada pengusaha dan pekerja Rumah Warisan Pahlawan Resort ini.

Sumber sekunder juga membincangkan bagaimana kaedah kepustakaan dan kaedah internet dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan data dengan mencari bahan seperti buku, jurnal, artikel dan sebagainya di Perpustakaan Awam Hulu Terengganu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu untuk menambah maklumat. Pengkaji juga boleh menggunakan kaedah melayari internet. Bagi memudahkan pengkaji mencari kajian yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan tajuk kajian.

Bab ini merupakan bab yang penting untuk pengkaji menggunakan kaedah yang sesuai dan boleh diguna pakai untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci. Oleh itu, metodologi ini penting agar memberi pemahaman kepada pengkaji bagi mendapatkan data sekaligus dapat menjawab objektif dalam kajian ini.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian sepanjang kajian lapangan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah membuat kajian lapangan di Warisan Pahlawan Resort yang terletak di Kampung Pauh, Kuala Berang, Terengganu. Bagi mendapatkan maklumat yang sah, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan cara temu bual dan pemerhatian di kawasan kajian. Pengkaji turut menggunakan dua teknik persampelan kajian iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bebola salji. Hasil daripada dapatan kajian ini, pengkaji mengeluarkan tema dari setiap maklumat yang ditemu bual. Tema yang dibentuk oleh pengkaji adalah objektif kajian pengkaji iaitu sejarah, keunikan rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan dan kaedah pemeliharaan rumah tersebut.

4.2 TEMU BUAL

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang mana pengkaji perlu melakukan kaedah temu bual responden bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Oleh itu, dalam mendapatkan maklumat bagi objektif pertama, pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan yang mana pengkaji telah menemu bual pemilik resort tersebut manakala untuk mendapatkan responden bagi objektif kedua dan ketiga, pengkaji menggunakan teknik bebola salji. Seterusnya, reka bentuk soalan bagi tujuan temu bual, pengkaji menggunakan reka bentuk soalan berstruktur yang mana pengkaji membina soalan sebelum melakukan proses temu bual.

| KOD | HURAIAN |
|-----|-------------|
| R1 | Responen 1 |
| R2 | Responden 2 |
| R3 | Responden 3 |

Jadual 2 : Kod dan huraian responden temu bual

4.2.1 Sejarah pembinaan Warisan Pahlawan Resort

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan sejarah rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort ini. Oleh itu, pengkaji akan mengemukakan fakta terlebih dahulu dan diikuti dengan temu bual responden berkenaan sejarah di resort ini.

Pembinaan resort yang berkonsepkan tradisional Terengganu ini bermula dari minat pemilik resort iaitu Pok Tun atau nama sebenar beliau Tun Ahmad. Sebelum beliau berkecimpung dalam bidang ini, beliau merupakan seorang tukang masak dan ahli keluarga beliau terdiri daripada golongan tukang masak yang berasal dari Chabang tiga, Terengganu. Selain menjadi tukang masak, beliau juga gemar mengumpul kayu untuk membuat rumah dan dari situlah tercetusnya idea beliau untuk membuka resort berkonsepkan rumah tradisional Terengganu. Kenyataan ini disokong oleh responden 1 semasa temu bual dijalankan:

“aaaa... minat buka ni dari minat owner resort ni...

Pok Tun sendiri lah... Pok Tun ni asal di tukang masak jer.. ahli keluarga dia pun golongan tukang masak juge asal dari Chabang Tiga, jadi dia mari sini nok buat resort yang berkonsepkan lama lah...”

(R1, 11 September 2023)

Resort ini mula beroperasi pada tahun 2005 dan syarikat Warisan Pahlawan sdn bhd mula didaftar pada tahun 2008. Minat beliau dalam membina resort ini, bermula apabila beliau pergi ke salah sebuah kampung di Hulu Terengganu dan beliau melihat rumah tradisional yang terdapat disana. Di sana, beliau melihat beberapa rumah tradisional Terengganu dan telah memberi ilham kepada beliau untuk membuka resort berkonsepkan tradisional. Pada awal operasi resort ini, terdapat tiga buah rumah sahaja iaitu rumah yang diberi nama Tok Gajah, Tokku Pauh dan Mat Kilau. Rumah ini mempunyai reka bentuk rumah tradisional Terengganu iaitu dari Rumah Bujang dan reka bentuk Rumah Limas Belanda. Kebanyakan rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan ini dibina oleh golongan tukang rumah yang berasal dari Indonesia kerana mereka mahir dalam ilmu pertukangan turut dibantu oleh tukang rumah tempatan.

“okey, mula mula... resort ni mula awal dah dalam 2005 tapi daftar syarikat pada tahun 2008.. Aaa minat bermula apabila owner ni pegi ke kampung Matang jadi dia tengok rumah tradisional kat situ, bermula dari situlah tercetusnya idea untuk buat resort ni. Pada mulanya owner ni beli 3 buah rumah dari orang lain untuk diletakkan disini...”

(R1, 11 September 2023)

(... Resort ini mula beroperasi pada tahun 2005 tapi untuk daftar syarikat pada tahun 2008, timbul minat apabila pemilik resort ini pergi ke salah sebuah Kampung iaitu Kampung Matang di daerah Hulu Terengganu dan dari sinilah tercetusnya idea beliau untuk membina resort yang berkonsepkan lama, pada

mula operasi resort ini terdapat 3 buah rumah sahaja yang dibeli oleh pemilik resort untuk diletakkan di Warisan Pahlawan Resort...)

(R1, 11 September 2023)

“ aaa... iye iyee rumah yang ada disini memang berkonsepkan tradisional Terengganu...

(R2, 11 September 2023)

(... Dekat Warisan Pahlawan Resort ini, rumah yang ada disini memang berkonsepkan rumah Melayu Tradisional Terengganu...)

(R2, 11 September 2023)

Salah sebuah rumah yang menarik di sini ialah rumah Mat Kilau Ini kerana rumah Mat Kilau ini dikatakan rumah persinggahan Mat Kilau semasa pahlawan bersembunyi daripada pihak British. Oleh kerana minat, maka pemilik resort ini telah membeli rumah dari salah seorang penduduk Pasir Nering dan dipindahkan ke resort ini. Bagi memindahkan rumah tersebut, struktur dari rumah tersebut ditanggalkan dan dipasang semula di resort ini. Ini kerana, rumah Melayu pada zaman dahulu tidak menggunakan sebarang paku dan menggunakan teknik pasak yang memudahkan proses pemindahan rumah tersebut dan kenyataan ini disokong kajian yang dibuat oleh (Nor Afifah Husen dan Mohd Farid Mohamed, 2020) yang bertajuk *Comparison of Green Design Strategies in Five Traditional Malay Houses*.

“Pok Tun beli rumah Mat Kilau ni dari orang Pasir Nering dan dibawa ke resort ini. Rumah ni bukan rumah Mat Kilau tapi jadi tempat persinggahan Mat Kilau semasa zaman British. Nok pindoh rumah ni, kita pecat struktur rumah ni dan pasang mula di resort. Kita pecat sebab mudoh rumah zaman dulu dok guna paku jadi senang nak proses pemindahan rumah tersebut...”

(R1, 11 September 2023)

(... Pemilik resort ini membeli rumah “Mat Kilau” dari orang Pasir Nering untuk dibawa ke resort ini. Rumah ini merupakan rumah persinggahan Mat Kilau semasa zaman British. Proses pemindahan rumah ini, tukang rumah memecat struktur rumah dan pasang di resort ini. Proses pemindahan ini jadi senang kerana rumah zaman dahulu menggunakan sistem tanggam dan pasak...)

(R1, 11 September 2023)

Usaha pemilik resort ini mendapat sambutan apabila beliau menambah lagi beberapa rumah yang berkonsepkan tradisional Terengganu. Sehingga kini, resort beliau mempunyai tujuh biji rumah yang berkonsepkan tradisional. Keunikan rumah yang terdapat di resort ini, adalah nama-nama tokoh pahlawan seperti Mat Kilau, Tokku Pauh, Tok Gajah, Tok Kenali, Pulau Manis, Abdul Rahman Limbong dan Abdul Shariff.

4.2.2 Keunikan rumah di Warisan Pahlawan Resort

Oleh itu, pengkaji telah membahagikan beberapa bahagian berkaitan keunikan rumah di Warisan Pahlawan Resort dari segi ukiran, motif dan reka bentuk rumah tersebut.

a) Ukiran

Ukiran merupakan salah satu seni pertukangan bagi masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi dan dibuktikan dalam kajian yang dibuat oleh (Zarina binti Zakaria, 2012). Dalam kajian yang dibuat oleh beliau berkaitan dengan motif ukiran dan beliau juga menjelaskan seni ukiran kayu sebagai pelengkap kehidupan masyarakat melayu oleh (Zawiyah Baba, 2010:75). Seni ukiran kayu dapat didefinisikan dari segi bahasa iaitu satu proses menggores, memahat dan menoreh kayu menggunakan pahat bagi menghasilkan reka bentuk pada kayu atau barang lain. Seni ukiran kayu ini umumnya boleh dijadikan khazanah dan ragam hias pada masyarakat Melayu. Seni ukiran kayu juga mempunyai nilai falsafahnya yang tersendiri iaitu ukiran kayu dibuat melambangkan status, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat pada waktu itu. Oleh itu, setiap ukiran yang dibuat mempunyai makna yang tersendiri. Oleh itu, pada zaman dahulu kebanyakan ukiran kayu digunakan di reka bentuk rumah Melayu tradisional, istana, masjid, wakaf dan surau yang dimiliki oleh golongan bangsawan. Motif ukiran kayu yang biasa digunakan adalah flora, geometri dan khat. Pada zaman dahulu, orang Melayu membuat jenis ukiran berbentuk ukiran tebuk tembus, ukiran timbul silat dan sebagainya. Ukiran kayu kebiasaannya dihasilkan dalam bentuk ukiran dua dimensi. Ukiran dua dimensi ini merupakan ukiran dapat dilihat di bahagian permukaan sahaja dan sering dihasilkan pada daun pintu, tebar layar dan hiasan pada dinding. Ukiran kayu sebegini boleh ditemui di negeri Pantai Timur iaitu Terengganu dan Kelantan.

Di Terengganu, seni ukiran kayu muncul melalui ilmu pengetahuan, kemahiran dan sifat kreatif masyarakat Melayu pada masa itu (Mohd Yusof Abdullah, 2012: 161). Menurut Mohd Yusof Abdullah (2021), Terengganu merupakan salah satu negeri yang

populer dengan keindahan seni ukiran kayu kerana motif dan corak yang dihasilkan dipengaruhi oleh faktor persekitaran, budaya, pengaruh Islam dan sebagainya. Ukiran untuk rumah Tradisional Melayu ini mempunyai corak yang lebih cantik dan melambangkan status pemilik rumah tersebut. Kesan daripada faktor ini menyebabkan tukang mahir pengukir kayu ini dapat menghasilkan ukiran yang mempunyai nilai estetikanya. Oleh itu, pengkaji telah mengambil langkah untuk mengkaji serta memelihara ukiran yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini supaya dikenali ramai. Melalui pemerhatian pengkaji, sepanjang proses temu bual dijalankan pengkaji berpendapat jenis ukiran yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini ialah ukiran tebuk tembus, kerawang dan islamic patterns atau dikenali sebagai kaligrafi islam.

i) Ukiran tebuk tembus

Ukiran tebuk tembus merupakan ukiran diukir pada papan atau kayu dan corak dibiarkan. Dalam menghasilkan ukiran tebuk tembus ini mempunyai fungsi yang tertentu seperti pengaliran udara dan pencahayaan. Jenis ukiran ini biasanya terdapat pada rumah Melayu, bangunan lama pada bahagian kekisi, jendela dan cucur atap. Seterusnya, ukiran tebuk tembus ini terbahagi kepada dua iaitu tebuk tembus tanpa silat dan tebuk tembus bersilat. Ukiran tebuk tembus tanpa silat ini merupakan ukiran yang diukir pada permukaan yang ditebuk menjadi lubang serta motif dan corak yang diukir dibiarkan. Ukiran ini biasanya dapat dilihat pada kekisi, cucur atap, bahagian perabot dan pagar musang. Sepanjang pemerhatian di Warisan Pahlawan Resort, pengkaji mendapati terdapat penggunaan ukiran tebuk tembus tanpa silat, ukiran tebuk tembus bersilat ada persamaan dengan tebuk tembus tanpa silat tetapi ukiran ini mempunyai kesan silatan pada motif yang dihasilkan. Ukiran ini diukir pada bahagian belakang untuk menampakkan kesan motif yang dihasilkan menyerupai keadaan asal. Pada zaman dahulu, ukiran ini boleh dilihat pada istana dan rumah bangsawan Melayu. Ini menunjukkan setiap ukiran yang dihasilkan mempunyai nilai dan mengikut status pemiliknya.



Gambar 3 : Ukiran tebuk tembus tanpa silat

Sumber : Kajian Lapangan, 2023




Gambar 4 : Ukiran tebuk tembus bersilat

Sumber : Kajian Lapangan, 2023

ii) Ukiran berkerawang

Seterusnya, semasa pemerhatian di Warisan Pahlawan Resort, pengkaji mendapati ukiran berkerawang juga digunakan pada segelintir rumah ini. Definisi bagi ukiran kerawang ini, pengukir akan mengukir bentuk motif yang dikehendaki tetapi dalam garisan yang bengkok-bengkok atau boleh disamakan dengan bentuk akar yang bergelegar. Corak ukiran berkerawang ini dihasilkan dalam bentuk papan tebuk tidak silat dan juga menggabungkan motif geometri, bunga dan hiasan yang rumit. Sebahagian corak ukiran berkerawang ini mempunyai makna dari segi budaya serta dapat menjadi lambang identiti

budaya masyarakat di Terengganu. Proses untuk membuat ukiran kerawang ini adalah mudah kerana ia memerlukan proses pemotongan dan pengalihan untuk membuang bahagian yang tidak diperlukan untuk membuat lubang. Di rumah tradisional, ukiran ini biasanya terdapat di bahagian atas pintu, dinding dan sebagainya. Ini dibuktikan terdapat ukiran kerawang di salah sebuah rumah di Warisan Pahlawan iaitu rumah Mat Kilau.



Gambar 5 : Ukiran Berkerawang Pada Pagar Rumah Mat Kilau

Sumber : Kajian Lapangan, 2023

Semasa temu bual bersama responden, corak ukiran yang dihasilkan pada rumah di Warisan Pahlawan Resort ini menggunakan corak bunga yang lama dan ada juga corak bunga yang diambil dari tempat lain. Ini dibuktikan apabila pengukir masih mengekalkan identiti Melayu dengan menggunakan bunga dari orang lama supaya masyarakat dapat mengenali ukiran rumah tradisional Melayu. Menurut responden pertama, pengukir yang mengukir corak ini terdiri daripada pengukir tempatan sahaja tetapi kini, orang luar yang pandai mengukir juga dapat menghasilkan ukiran yang cantik dan menarik dan secara tidak langsung dapat mempelbagaikan ukiran pada rumah tradisional. Walaupun menggunakan pengukir luar tetapi ukiran yang dihasilkan di Warisan Pahlawan Resort masih mengikut pengetahuan orang lama supaya corak yang dihasilkan mempunyai nilai yang tersendiri dan juga supaya tidak bercanggah dengan falsafah orang Melayu.

“...ukiran yang dibuat kat sini lebih kepada ukiran yang orang lama buat, kita cuma ikut je lah. tapi kalau ada corak yang menarik dari tempat lain kita ambil jugak...”

(R1, 11 September 2023)

(... Pengukir yang mengukir ukiran di rumah Warisan Pahlawan Resort ini menggunakan ukiran yang lama dan mengambil corak ukiran dari tempat lain jika ukiran tersebut menarik...)

(R1, 11 September 2023)

“... dulu kite ambik pengukir dari orang kampung ni je, sekarang ni kite ambik jugak pengukir dari luar orang Indonesia...”

(R1, 11 September 2023)

(... Pengukir tempatan yang membuat ukiran pada rumah yang terdapat disini, tetapi disebabkan orang Indonesia mahir juga dalam pengukir ukiran kayu, pemilik resort ini mengambil pekerja Indonesia bagi mengukir...)

(R1, 11 September 2023)

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

b) Motif

Dalam rumah tradisional Melayu, kebanyakan motif yang digunakan bermotifkan flora, geometri, khat dan sebagainya. Hal ini kerana, dalam Islam yang melarang penggunaan motif yang bercanggah dengan syariat Islam jadi orang Melayu menggunakan motif yang bersesuaian dengan syariat Islam. Oleh itu, bangunan atau rumah tradisional Melayu lebih menerapkan motif yang berunsurkan seperti kaligrafi, geometri, dedaun tumbuhan dan pucuk. Semasa pemerhatian di Warisan Pahlawan Resort, pengkaji telah melihat beberapa motif yang digunakan di rumah tersebut seperti awan larat, bunga atau tumbuhan dan kaligrafi.

i) Motif flora

Menurut responden yang pertama iaitu Muhammad Nazhan motif yang biasanya digunakan dalam rumah tradisional Melayu di Warisan Pahlawan Resort ialah motif flora kerana tidak bercanggah dengan agama Islam. Selain itu, penggunaan motif flora dalam rumah tradisional Melayu dapat menggambarkan hubungan manusia dengan tumbuhan atau alam sekitar kerana memberi kesan yang tenang dan damai. Dalam rumah Melayu tradisional di Terengganu, motif flora ini biasanya diukir pada dinding, jendela, atau pintu dan motif yang biasanya diukir ialah bunga ketumbit, bunga cempaka, daun-daun dan sebagainya. Di rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort ini terdapat beberapa motif yang berunsurkan flora seperti bunga cempaka tanjung, awan larat dan bunga ketumbit. Motif awan larat merupakan motif yang menyerupai awan yang berarak.

MALAYSIA
KELANTAN

“... motif ukiran kat Warisan Pahlawan ni biasanya die guna motif bunga lah, setiap rumah ni ada lah motif die macam contoh motif die awan larat dan bunga kadang ada jugak daun-daun tapi kebanyakan nye bunga lah...”

(R3, 4 Oktober 2023)

(... Rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan menggunakan motif bunga yang lama dan setiap rumah mempunyai motif seperti awan larat, dedaun dan bunga...)

(R3, 4 Oktober 2023)



Gambar 6 : Motif Awan Larat

Sumber : Kajian Lapangan, 2023



Gambar 7 : Motif Bunga Pada Rumah Tok Gajah

Sumber : Kajian Lapangan, 2023

ii) Motif kaligrafi

Dalam kajian lepas yang dilakukan oleh Azreena Abu Bakar dan Nangkula Utaberta (2013), yang menyatakan seni kaligrafi Islam tercetus apabila kemunculan kitab Al-Quran dan secara tidak langsung ia membawa kepada kegemilangan tamadun Melayu Islam pada abad ke-7. Selain itu, seni kaligrafi ini merupakan seni yang agung kerana ukiran yang dihasilkan menterjemahkan ayat-ayat suci Al-Quran dalam bentuk tampak (Shafie Abu Bakar: 97-98). Pemakaian motif kaligrafi Islam bukan sahaja untuk ukiran kayu bagi rumah Melayu tradisional tetapi ia juga diukir pada senjata, mata wang, masjid, barang tembikar, logam dan batu nisan. Di rumah Melayu tradisional, seni kaligrafi diukir pada dinding, pintu dan sebagainya. Ini dibuktikan, semasa pemerhatian pengkaji di Warisan Pahlawan Resort, pengkaji melihat sendiri ukiran kaligrafi pada salah sebuah rumah yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini.

“... selain bunga ade jugok motif lain macam ukiran ayat suci Al-Quran kat pintu rumah sini, kan ikut islam jadi ukiran yang dibuat ni perlu selaras dengan panduan islam lah...”

(R3, 4 Oktober 2023)

(... Selain daripada motif bunga, motif kaligrafi islam juga terdapat pada rumah di Warisan Pahlawan Resort...)

(R3, 4 Oktober 2023)



Gambar 8 : Motif kaligrafi islam

Sumber : Kajian Lapangan, 2023

c) Reka bentuk rumah di Warisan Pahlawan Resort

i) Rumah Mat Kilau

Rumah Mat Kilau ini merupakan rumah bujang Terengganu atau dikenali juga dengan rumah bujang berselasar (serambi). Rumah bujang berselasar ini mulanya berasal dari rumah tiang 12 dan 16 serta mempunyai keunikan dari segi pemeleh dan menggunakan tiang yang besar. Bahagian atap rumah bujang berselasar ini juga diperbuat daripada atap singgora iaitu dari tanah liat. Ruang dalam rumah Mat Kilau terbahagi kepada tiga iaitu serambi, ruang ibu dan dapur. Rumah ini diberi nama Mat Kilau kerana rumah ini telah menjadi tempat persinggahan pahlawan ini. Pada asalnya rumah ini berada di kampung lain, tetapi akibat minat pemilik resort ini telah membelinya dan memindahkan rumah ini di Warisan Pahlawan Resort.

“... rumah Mat Kilau ni rumah yang awal kat sini, owner mintak beli dan pindah rumah dari Pasir Nering ke Kampung Pauh...”

(R1, 11 September 2023)

(... Rumah Mat Kilau antara rumah yang terawal berada disini, pemilik resort beli dan memindahkan rumah kesini...)

(R1, 11 September 2023)

Selain itu, dalam pemerhatian pengkaji, rumah Mat Kilau ini menggunakan kayu yang berkualiti iaitu menggunakan kayu cengal. Terdapat juga tiang yang besar bagi mengukuhkan lagi rumah tersebut. Dari segi lantai rumah, ia diperbuat daripada kayu papan yang disusun berjarak yang berfungsi memudahkan aktiviti membasuh. Manakala, bahagian atap rumah ini mempunyai pemeleh yang besar yang menunjukkan rumah tradisional Terengganu dan menggunakan atap singgora yang berfungsi untuk menyejukkan rumah. Di rumah Mat Kilau ini juga dihiasi ukiran yang menarik. Sebagai contoh, di bahagian dinding rumah ini, terdapat dinding yang diperbuat daripada buluh yang bercorak kelarai. Kelarai ini merupakan proses anyaman buluh pada dinding rumah. Dinding rumah ini berbeza dengan dinding rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort yang lain kerana kebanyakan rumah yang ada di sini menggunakan dinding janda hias. Keunikan reka bentuk rumah Mat Kilau boleh dilihat menerusi kerawang yang terdapat di penghadang beranda rumah yang mana berfungsi untuk keselamatan. Jelaslah, dari segi motif, reka bentuk dan struktur rumah Mat Kilau boleh dikatakan mempunyai persamaan dengan rumah tradisional Terengganu. Di bawah menunjukkan reka bentuk rumah Mat Kilau.



Gambar 9 : Rumah Mat Kilau

Sumber : Kajian Lapangan, 2023



Gambar 10: Lantai Rumah Mat Kilau Yang Diperbuat Daripada Buluh

Sumber : Kajian Lapangan, 2023



Gambar 11 : Dinding Kelarai Pada Rumah Mat Kilau

Sumber : Kajian Lapangan, 2023



Gambar 12 : Motif Ukiran Kerawang Pada Penghadang Rumah Mat Kilau
Sumber : Kajian Lapangan, 2023



Gambar 13 : Tangga Rumah Mat Kilau Yang Diperbuat Daripada Kayu
Sumber : Kajian Lapangan, 2023

ii) Rumah Tok Gajah

Rumah Tok Gajah merupakan rumah yang berinspirasi rumah bujang berkembar atau dikenali juga sebagai rumah bujang berpeleh. Bahagian dalam rumah ini hampir sama dengan rumah Mat Kilau yang mempunyai tiga ruang iaitu ruang hadapan, ruang ibu dan dapur. Kebiasaannya, ruang ibu ini merupakan ruang yang berfungsi untuk aktiviti seharian seperti menganyam, tenunan dan sebagainya manakala pada waktu malam, ia berfungsi sebagai tempat tidur. Seterusnya, bumbung bagi rumah Tok Gajah adalah berbentuk 'V' terbalik yang menjadi lambang identiti rumah Tradisional Terengganu. Kebanyakan rumah tradisional masih mengekalkan struktur tiang yang tinggi bagi mengelakkan banjir. Dinding rumah Tok Gajah ini adalah dinding janda hias. Menurut Yaakub Idris (1996:77) memberi maksud dinding janda hias merupakan dinding yang mempunyai pemedang yang berpetak-petak dan kebiasaannya terdapat pada rumah Melayu yang lama dan dinding janda hias ini mempunyai falsafah yang tersendiri selain daripada untuk kecantikan dan bergaya. Selain itu, tangga juga memainkan peranan penting dalam seni bina rumah Tok Gajah kerana tangga rumah ini bercoram dan mengenakan nombor yang ganjil yang bermaksud setiap anak tangga itu mengikut sunnah Islam. Menurut N. A. Halim (2001), tangga pada bahagian mempunyai makna yang tersendiri. Terdapat juga ukiran tebuk tembus pada bahagian tangga rumah ini. Dari segi ukiran, ukiran yang terdapat di rumah ini hampir sama dengan rumah Mat Kilau.



Gambar 14 : Reka Bentuk Rumah Tok Gajah

Sumber : Kajian Lapangan, 2023

iii) Rumah Tok Ku Pauh

Rumah Tok Ku Pauh merupakan rumah yang diilhamkan oleh pemilik resort yang berbentuk limas. Limas merupakan bentuk timba yang diperbuat daripada upih atau daun pisang dan hampir menyerupai piramid yang bertirus ke atas. Rumah limas ini biasanya ditemui Johor dan Terengganu. Dalam reka bentuk rumah limas ini, aspek yang dititikberatkan ialah dari segi pencahayaan, pengudaraan dan keselamatan. Setiap ukiran yang terdapat pada rumah limas ini bukan sahaja berfungsi untuk hiasan tetapi juga berfungsi sebagai pencahayaan. Dalam pemerhatian pengkaji, perbezaan antara rumah Tok Ku Pauh dengan rumah lain yang ada di sini ialah dari segi bumbung yang berbentuk tirus dan pada bahagian pintu rumah tersebut mempunyai ukiran tebuk tembus bersilat.

MALAYSIA

KELANTAN

“ ... rumah Tok Ku Pauh ni lah yang diilhamkan oleh Pok Tun sendiri, die ambik dari rumah bentuk limas bungkus eh ehh ehh bukan dari limas Belanda...”

(R1, 11 September 2023)

(... Rumah Tokku Pauh ini diilhamkan oleh pemilik resort ini iaitu Pok Tun. Beliau mereka bentuk rumah ini dari bentuk Rumah Limas Belanda...)

(R1, 11 September 2023)



Gambar 15 : Reka bentuk rumah Tokku Pauh

Sumber : Kajian Lapangan, 2023

d) Kaitan dengan teori estetika

Dalam objektif kedua, mempunyai kaitan dengan teori estetika yang mana estetika boleh didefinisikan sebagai ilmu yang berkaitan cara untuk mempelajari tentang sesuatu seni serta keindahan dan untuk melihat bagaimana tanggapan manusia terhadap sesuatu seni. Jika kita lihat teori ini menjelaskan tentang bagaimana sesuatu karya itu dihasilkan dan penciptaannya dapat memberi keindahan pada objek tersebut. Ia bukan sahaja dapat memberi keindahan pada objek tersebut tetapi ia juga dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat pada masa itu dan juga dari segi pengetahuan. Dalam mengkaji nilai estetika ada beberapa unsur yang penting seperti bentuk, tema, warna dan motif sesuatu objek.

Teori estetika dapat dilihat dalam hasil dapatan kajian pengkaji dari segi motif, ukiran dan reka bentuk rumah pada zaman dahulu. Hal ini kerana, kita boleh lihat dalam penghasilan reka bentuk rumah Melayu mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Ini dibuktikan, bukan sahaja reka bentuk dari segi struktur rumah mempunyai makna tersendiri tetapi sebelum mendirikan rumah tersebut mempunyai adat atau ada peraturan yang perlu dilakukan. Ini menunjukkan masyarakat Melayu zaman dahulu mempunyai adat yang tersendiri.

Selain itu, kita dapat lihat dari segi struktur rumah Melayu tersebut. Ini kerana, setiap struktur yang dibina mempunyai makna. Sebagai contohnya, orang zaman dahulu membina tangga rumah Melayu dengan nombor yang ganjil. Hal ini kerana, ada yang berpendapat nombor ganjil tersebut membawa maksud 'Bismillahirrahmannirahim'. Kita juga boleh lihat dari segi ukiran yang dibuat pada seni bina rumah Melayu yang menggunakan motif tumbuhan. Hal ini kerana, pada zaman dahulu masyarakat sangat berkait rapat dengan alam semulajadi. Oleh itu, disebabkan kearifan masyarakat dalam bidang pertukangan mereka mengolah tumbuhan yang ada untuk diterjemahkan dalam ukiran. Ini jelaslah membuktikan teori estetika ini dapat menjawab kepada objektif kedua yang mana melihat sendiri keindahan seni bina rumah Melayu di Warisan Pahlawan Resort.

4.2.3 Cara Pelestarian Rumah Di Warisan Pahlawan Resort

Antara cara untuk melestarikan rumah di Warisan Pahlawan Resort ini ialah dengan mempromosikan rumah ini kepada orang ramai. Dengan cara ini, orang ramai dapat mengetahui akan rumah tradisional Terengganu. Promosi boleh dilakukan dengan menggunakan media massa seperti internet, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Hal ini kerana, teknologi pada masa kini semakin canggih sehingga menyebabkan maklumat berkaitan rumah tradisional Terengganu akan tersebar secara meluas. Melalui promosi ini juga, masyarakat dapat mengetahui jenis rumah tradisional Terengganu.

Seterusnya, usaha pihak Warisan Pahlawan Resort dalam melestarikan atau memelihara rumah yang terdapat di sini dengan menjadikan rumah tersebut sebagai produk pelancongan. Hal ini dibuktikan apabila resort ini membeli dan membina rumah tradisional Terengganu dan menjadikan rumah tersebut sebagai resort. Dengan adanya resort yang berkonsepkan rumah tradisional ini dapat memberi peluang kepada pelancong untuk merasai pengalaman bermalam di rumah tradisional Terengganu. Ia bukan sahaja memberi pengalaman yang menarik tetapi juga dapat memberi pengetahuan kepada pelancong tentang keunikan rumah tersebut dari segi ukiran, reka bentuk, motif dan sebagainya. Jelaslah bahawa usaha pemilik resort ini dapat membuka mata masyarakat tentang rumah tradisional Terengganu.

Selain usaha pemilik resort dalam memelihara rumah di Warisan Pahlawan Resort ini, terdapat beberapa NGO yang bekerjasama dengan pemilik resort ini untuk melestarikan rumah di kawasan ini. Antara NGO yang memberi bantuan ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Ini disebabkan pemilik resort ini merupakan bekas pekerja RISDA dan pihak ini senang memberi kerjasama untuk menyediakan bantuan kepada pemilik resort ini. Bantuan yang diberikan oleh pihak ini adalah dari segi kewangan untuk membina lebih banyak lagi rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort. Dengan bantuan yang diberikan ini dapat membantu pemilik resort untuk menambah lagi beberapa buah rumah. Kerjasama NGO ini memainkan peranan penting dalam memastikan rumah tradisional ini dijaga dengan baik dan tidak musnah begitu saja.

Pengukir juga memainkan peranan penting dalam melestarikan ukiran pada rumah tersebut agar terus terpelihara. Cara yang boleh dilakukan oleh golongan tukang mahir pengukir kayu ini ialah dengan mengekalkan teknik ukiran kayu yang lama pada rumah tradisional Terengganu. Dengan pengekalan teknik ukiran kayu seperti ini membolehkan masyarakat mengetahui ukiran yang dihasilkan pada zaman dahulu. Secara tidak langsung, menimbulkan minat kepada masyarakat untuk belajar dengan lebih mendalam berkaitan teknik yang digunakan oleh pengukir kayu pada zaman dahulu. Sebagai contoh, di resort ini, terdapat bengkel ukiran kayu untuk menghasilkan motif atau corak pada rumah tradisional.

4.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab 4 ini merupakan bab yang mana pengkaji menghuraikan hasil kajian lapangan pengkaji melalui temu bual untuk mendapatkan data. Temu bual dijalankan oleh pengkaji bagi mencapai tigg objektif kajian. Selain temu bual, pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian yang mana pengkaji turun kelapangan untuk melihat sendiri reka bentuk rumah yang terdapat pada Warisan Pahlawan Resort ini. Apabila data diperoleh, pengkaji melakukan proses transkripsi data melalui kaedah temu bual dan juga pengkaji dapat mengetahui sejarah, keunikan dan usaha melestarikan rumah yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort.

Selain itu, pengkaji telah menemu bual beberapa responden yang mengetahui mengenai Warisan Pahlawan Resort. Hasil daripada temu bual ini, pengkaji dapat mengetahui sejarah berkaitan Warisan Pahlawan Resort dan bagaimana timbul idea pemilik resort untuk membina resort yang berkonsepkan rumah tradisional. Ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang sejarah Warisan Pahlawan Resort.

Disamping itu, terdapat juga beberapa usaha oleh pihak resort ini dalam mengekalkan reka bentuk rumah di Warisan Pahlawan Resort. Usaha yang dijalankan ini, untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda untuk mengenali rumah tradisional Terengganu. Selain usaha pihak berkemaan, ia juga melibatkan NGO yang membantu pemilik resort ini untuk memajukan dan membina lebih banyak rumah disini. Semua pihak perlu memainkan peranan yang penting supaya keunikan di rumah ini dapat dipelihara.

Kesimpulannya, melalui hasil kajian lapangan, pengkaji mendapati tidak ramai masyarakat mengetahui keunikan rumah yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini. Oleh itu, pengkaji menemu bual responden yang bekerja di Warisan Pahlawan Resort bagi mengetahui sejarah dan keunikan rumah disini. Hasilnya melalui temu bual ini dapat menjawab objektif kajian pengkaji.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini merangkumi perbincangan, rumusan dan cadangan mengenai tajuk kajian iaitu Pelestarian Rumah Tradisional Terengganu di Warisan Pahlawan Resort. Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada dapatan kajian yang dianalisis pengkaji seramai empat orang responden yang ditemu bual pengkaji.

Dalam perbincangan dan rumusan berkaitan dengan hasil dapatan dibuat lebih terperinci dan jelas mengikut kepada persoalan kajian. Hasil daripada rumusan dan perbincangan ini, pengkaji mengenalpasti beberapa cadangan berkaitan dengan kajian disamping dapat menambah baik lagi berkaitan kajian yang telah dijalankan.

5.2 PERBINCANGAN KAJIAN

Terengganu merupakan salah satu negeri yang masih mengekalkan beberapa warisan Melayu yang unik dan menarik. Warisan Melayu yang kita dapat lihat di Terengganu dari segi seni bina rumah, ukiran rumah tradisional Terengganu, kraftangan dan dari alam semulajadi seperti pantai. Keunikan yang ada di Terengganu mempunyai pengaruh daripada kehidupan masyarakat setempat seperti adat budaya suatu kaum, seni bina dan juga ekonomi. Keindahan warisan Melayu yang di Terengganu ini memerlukan usaha pemeliharaan oleh pihak yang bertanggungjawab agar warisan ini tidak ditelan zaman. Kita dapat lihat dalam kajian ini telah membincangkan seni bina rumah tradisional Melayu yang dipengaruhi oleh kehidupan masyarakat pada zaman dahulu serta terdapat beberapa perubahan perkembangan rumah tradisional Terengganu yang mana disebabkan oleh keperluan masyarakat, perubahan iklim, dan bahan binaannya. Oleh itu, jelaslah keunikan

warisan Melayu seperti seni bina rumah tradisional dikatakan mempengaruhi budaya masyarakat pada zaman dahulu.

Kajian ini telah membincangkan tentang sejarah rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort. Sejarah rumah tradisional Terengganu telah mencerminkan nilai budaya dan kehidupan masyarakat setempat. Ini membuktikan dalam bab awal seni bina telah menjadi lambang kepada suatu bangsa. Sama seperti orang Melayu, masyarakat dahulu terkenal dengan ilmu pertukangan dan mampu menghasilkan pelbagai corak yang berbeza. Melalui kemahiran ini telah menjadikan orang Melayu mampu menghasilkan seni bina seperti rumah, wakaf dan masjid yang mana mampu memenuhi keperluan sosial dan kepentingan kepada masyarakat.

Keunikan seni bina rumah tradisional di Warisan Pahlawan ini telah menunjukkan kearifan masyarakat tempatan dalam membina rumah tradisional pada zaman dahulu. Keunikan dari segi reka bentuk, motif serta ukiran pada rumah tradisional tersebut telah menjadi bukti masyarakat dahulu pandai dalam ilmu petukangan. Salah satu daya tarikan rumah tradisional Terengganu dengan rumah tradisional yang lain ialah dari segi reka bentuk atap rumah tersebut. Di Terengganu, rumah tradisional menggunakan atap berbentuk limas belanda dan perbezaan ini telah menjadi daya tarikan rumah tradisional di Terengganu.

Kaedah pemeliharaan perlu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memelihara seni bina rumah tradisional ini. Pihak bertanggungjawab seperti pemilik resort, agensi-agensi lain dan penglibatan komuniti juga boleh bekerjasama dengan pemilik resort dalam mempromosikan rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort. Melalui kerjasama komuniti dan pemilik resort ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang reka bentuk, motif serta ukiran yang terdapat pada rumah tradisional Terengganu ini. Pelbagai kaedah pemeliharaan yang boleh dilaksanakan bagi mengekalkan seni bina warisan Melayu Terengganu.

Seterusnya, kajian ini telah membincangkan berkaitan tiga persoalan yang timbul iaitu bagaimana sejarah pembinaan rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort, keunikan yang ada di rumah tradisional dan bagaimana kaedah pemeliharaan di sini. Dalam kajian ini juga, pengkaji telah membentuk beberapa objektif supaya pengkaji dapat mengetahui tujuan kajian yang dijalankan. Manakala bagi skop kajian pula, pengkaji telah memfokuskan kajian kepada pelestarian rumah tradisional Terengganu di Warisan Pahlawan Resort.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori estetika. Dalam teori estetika, pengkaji dapat memahami cara untuk menjelaskan seni bina yang terdapat pada rumah warisan dari segi motif dan ukiran. Teori ini juga digunakan oleh pengkaji menjawab objektif yang dibentuk dalam kajian ini. Teori ini dapat membantu pengkaji untuk mengetahui keindahan yang ada pada rumah tradisional.

Dalam kajian ini mendapati bahawa sejarah pembinaan Warisan Pahlawan Resort dan beberapa jenis rumah tradisional yang terdapat disini. Pada awal pembukaan resort ini terdapat tiga buah rumah sahaja yang berkonsepkan rumah tradisional Terengganu. Ketiga-tiga rumah ini mempunyai reka bentuk rumah bujang di Terengganu dan mempengaruhi reka bentuk rumah limas Belanda. Disini juga kita boleh lihat sejarah rumah yang ada seperti rumah Mat Kilau yang rumah ini pernah menjadi tempat persinggahan Mat Kilau dan juga mengetahui teknik yang digunakan masyarakat zaman dahulu dalam membina rumah.

Dari segi keunikan pula, penghasilan rumah tradisional dahulu mempunyai keunikan yang mampu menarik minat masyarakat dahulu seperti motif, reka bentuk, ukiran dan sebagainya. Pada zaman dahulu, dalam menghasilkan motif serta ukiran melambangkan status pemilik rumah tersebut. Hal ini kerana, sebahagian daripada ukiran yang dihasilkan melambangkan rumah tersebut kepada golongan bangsawan. Seterusnya, motif yang dihasilkan pada rumah Melayu lebih tertumpu kepada alam semulajadi dan motif yang terdapat di rumah yang ada disini ialah motif awan larat dan sebagainya.

Bagi melestarikan rumah tradisional pula, penglibatan komuniti dan pihak yang bertanggungjawab perlu melakukan usaha ini supaya dapat menarik minat generasi muda berkaitan dengan rumah tradisional ini. Penglibatan komuniti dapat membantu mempromosikan rumah tradisional ini kepada orang ramai dari segi mengadakan program di resort ini. Pihak kerajaan negeri juga boleh memberi sumbangan kepada pemilik resort untuk membaik pulih serta menghasilkan lebih banyak lagi rumah tradisional ini supaya tidak ketinggalan zaman. Usaha ini bukan sahaja dapat memelihara rumah tradisional tetapi juga dapat meningkatkan ekonomi bagi pemilik resort sekaligus dapat menjadi produk pelancongan di Terengganu.

5.3 SARANAN DAN CADANGAN

5.3.1 Cadangan pengkaji menjadikan rumah Tradisional di Warisan Pahlawan Resort sebagai produk pelancongan

Pengkaji mencadangkan rumah Tradisional di Warisan Pahlawan Resort dijadikan sebagai produk pelancongan. Hal ini kerana, terdapat beberapa daya tarikan yang ada di Warisan Pahlawan Resort ini. Antara keunikan yang terdapat disini dari segi seni bina rumah Tradisional, sejarah dan budaya masyarakat Terengganu. Melalui keunikkan ini akan menarik minat pelancong untuk menjadikan tempat ini sebagai destinasi percutian disamping dapat merasai suasana perkampungan melayu. Disini juga, pelancong dapat menghilangkan tekanan di bandar kerana suasana di Warisan Pahlawan Resort sunyi dan boleh menghirup udara alam semulajadi. Hal ini kerana, Warisan Pahlawan Resort jauh dari bandar dan berada di kawasan pendalaman dan jauh dari kawasan bandar. Jelaslah, jika pihak kerajaan Negeri Terengganu menjadikan kawasan ini sebagai produk pelancong akan menjadikan salah satu cara untuk melestarikan rumah Tradisional Terengganu yang ada di Warisan Pahlawan Resort.

5.3.2 Cadangan kajian masa hadapan

Dalam menjadikan kawasan atau tempat ini sebagai salah satu tempat yang penting, kajian yang terperinci perlu dilakukan oleh pengkaji pada masa hadapan. Hal ini kerana, melalui kajian yang dibuat dapat menambah pengetahuan pengkaji atau masyarakat tentang rumah Tradisional Terengganu di Warisan Pahlawan Resort. Kajian masa hadapan ini penting, untuk menjadikan salah satu usaha dalam memperkenalkan keunikan yang ada di sesebuah kawasan. Oleh itu, cadangan untuk menambahkan lagi kajian berkaitan tajuk ini, pengkaji menyeru atau pengkaji akan datang dapat membuat kajian dan dapat membukukan kajian berkaitan seni bina rumah di Warisan Pahlawan Resort dengan lebih mendalam agar masyarakat mengetahui seni bina rumah Melayu yang ada.

5.3.3 Cadangan masyarakat melibatkan diri dalam pameran berkaitan ini

Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam melestarikan rumah Tradisional ini. Hal ini kerana, melalui penglibatan masyarakat dalam dapat menambah pengetahuan masyarakat seni bina rumah Melayu. Antara cadangannya adalah, masyarakat perlu melibatkan diri dalam pameran yang berkaitan dengan rumah Tradisional Melayu. Melalui pameran ini, secara tidak langsung masyarakat dapat mengetahui seni bina rumah Melayu yang terdapat di Malaysia. Sebagai contohnya, rumah Tradisional dijadikan rumah contoh semasa pameran tersebut. Pihak yang bertanggungjawab seperti Muzium boleh membuat replika rumah Melayu Tradisional untuk memberi pendedahan kepada masyarakat reka bentuk rumah lama yang ada di Terengganu. Melalui ini, masyarakat dapat merasai suasana rumah zaman dahulu dan juga didedahkan dengan reka bentuk rumah lama. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar masyarakat sentiasa mengikuti pameran, festival dan aktiviti yang dijalankan di rumah Tradisional Melayu agar mereka mengetahui sedikit sebanyak tentang rumah Tradisional Melayu.

5.3.4 Cadangan melalui pendidikan

Melalui pendidikan juga berperanan memberi pengetahuan kepada generasi muda berkaitan rumah tradisional ini. Pendekatan yang komprehensif dalam pendidikan perlu dilakukan supaya memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan rumah tradisional ini. Antara pendekatan yang komprehensif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesedaran dengan cara kerajaan boleh memasukkan subjek berkaitan dengan seni bina rumah Melayu dalam kokurikulum sekolah. Dengan kemasukkan subjek ini dapat memberi pemahaman kepada generasi muda tentang pemahaman berkaitan seni bina rumah Melayu dari segi sejarah dan nilai budaya masyarakat pada zaman dahulu. Selain itu, kita juga boleh membuat program atau kajian lapangan di Warisan Pahlawan Resort ini supaya dapat memberi pengalaman kepada generasi muda untuk melihat reka bentuk, dapat mempelajari bahan yang digunakan dalam penghasilan rumah tradisional dan juga dapat mengetahui pengalaman pemilik resort ini. Secara tidak langsung, ianya dapat membuka mata generasi muda untuk memelihara rumah tradisional dan generasi muda dapat memahami kepentingan budaya dalam rumah tradisional ini.

5.3.5 Cadangan melibatkan institusi dalam memelihara rumah Tradisional di Warisan Pahlawan Resort.

Institusi pendidikan boleh menjadi salah satu tempat untuk membantu memberi pengetahuan kepada orang ramai berkaitan dengan rumah tradisional yang ada di Warisan Pahlawan Resort. Hal ini kerana, institusi pendidikan menjadi salah satu pusat kajian untuk mengkaji semua bidang termasuk berkaitan dengan rumah tradisional. Melalui institusi ini, ramai pengkaji yang berminat dalam mengkaji rumah tradisional yang ada di Terengganu dan sekaligus dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang rumah ini. Ia juga dapat menyumbang kepada banyak kajian berkaitan rumah tradisional di sini yang dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang. Melalui institusi juga, menjadi usaha dalam mengekalkan rumah Tradisional Terengganu ini agar tidak ditelan zaman. Oleh itu, institusi pendidikan menjadi medium yang memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan tempat ini.

5.3.6 Peranan Kerajaan

Kerajaan juga memainkan peranan penting dalam memelihara rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort daripada musnah. Hal ini kerana, rumah tradisional Melayu merupakan salah satu warisan yang ada di Malaysia. Oleh itu, perlu mengambil langkah yang efektif supaya warisan ini dapat dijaga dengan baik. Langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dalam memelihara rumah tradisional ini dengan menjadikan rumah Tradisional Melayu di Warisan Pahlawan Resort sebagai produk pelancongan yang berasaskan warisan. Ini dapat kita lihat, industri pelancongan di negara kita semakin meningkat dan secara tidak langsung membuka peluang kepada kerajaan untuk menjadikan rumah tradisional Melayu ini sebagai kawasan pelancongan. Melalui usaha ini, ia dapat memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai tinggal di rumah Melayu lama dan sekaligus dapat mendedahkan kepada masyarakat akan seni bina rumah Melayu lama.

5.3.7 Cadangan dari segi kaedah promosi

Kerajaan, pihak berkepentingan seperti pemilik resort ini dan masyarakat juga perlu mempromosikan rumah Tradisional ini kepada masyarakat. Melalui promosi ini rumah Tradisional ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan rumah Tradisional ini. Kaedah promosi ini perlu dilakukan secara kreatif supaya dapat menarik minat masyarakat terhadap seni bina warisan ini. Pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk mempromosikan rumah Tradisional ini seperti menggunakan media sosial dalam memaparkan seni bina rumah Tradisional disamping dapat memperkenalkan budaya masyarakat Melayu. Hal ini kerana, teknologi sekarang semakin canggih yang menyebabkan masyarakat dapat mengakses berkaitan rumah Tradisional ini tanpa had walaupun mereka tiada di tempat kejadian. Media sosial seperti Instagram, Facebook dan sebagainya memainkan peranan untuk mewar-warkan program yang dilaksanakan di rumah Tradisional ini. Sebagai contohnya, kita dapat lihat pemilik Warisan Pahlawan Resort telah menggunakan inisiatif dengan menggunakan Instagram dalam mempamerkan

setiap program yang dianjurkan oleh mereka. Dengan ini secara tidak langsung dapat menarik minat masyarakat dan mendedahkan masyarakat tentang reka bentuk rumah Melayu Tradisional.

5.3.8 Cadangan bengkel pembuatan rumah Tradisional ini

Pengkaji menyarankan menyediakan bengkel pembuatan rumah Tradisional ini. Melalui bengkel ini dapat mengajar masyarakat berkaitan penghasilan rumah tradisional dan reka bentuk rumah Tradisional ini. Bengkel disediakan bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat bagaimana penghasilan rumah tradisional dari segi bahan yang digunakan, teknik yang digunakan dan ukiran yang digunakan pada rumah tradisional zaman dahulu. Melalui bengkel ini dapat melatih masyarakat yang berminat dan dapat melatih tukang-tukang kayu dalam menghasilkan rumah tradisional ini. Semasa pemerhatian pengkaji, di Warisan Pahlawan Resort mempunyai beberapa bengkel yang dilakukan oleh pemilik resort ini untuk menyiapkan tempahan daripada pelanggan. Bengkel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian yang mana setiap elemen seperti pintu, ukiran dan sebagainya mempunyai tukang yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji menyarankan pemilik resort ini perlu menambah baik lagi bengkel yang sedia ada dengan melibatkan masyarakat setempat.

5.4 PENUTUP

Secara kesimpulannya, rumah tradisional Melayu yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort perlu dipelihara oleh semua pihak yang berkepentingan supaya masyarakat dapat mengetahui keunikan seni bina rumah tradisional Melayu. Hal ini kerana, sebahagian seni bina rumah Melayu mempunyai keunikan yang mana dapat menjadi lambang identiti bagi orang Melayu. Ini dapat dibuktikan dalam dapatan kajian terutamanya yang berkaitan dengan ukiran yang terdapat di Warisan Pahlawan Resort seperti ukiran awan larat, berkerawang dan motif kaligrafi pada pintu rumah tradisional di kawasan resort berkenaan. Oleh itu, usaha pelestarian dan penambahbaikan perlu dilakukan di kawasan ini supaya rumah ini dapat dikenali masyarakat dan sekaligus dapat menjadi produk pelancongan yang berasaskan warisan di Terengganu.

Seterusnya, pengkaji berharap melalui kajian ini dapat membuka mata pihak yang berkenaan dalam memelihara rumah tersebut. Pengkaji juga berharap dengan adanya kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang dan segala maklumat yang ada dalam kajian ini dapat difahami oleh masyarakat setempat. Kerjasama yang baik dapat memastikan sebahagian warisan ketara yang ada di Terengganu dapat dijaga dengan baik. Secara umumnya, NGO boleh memainkan peranan dengan melibatkan diri dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan rumah tradisional Terengganu ini. Dalam usaha memelihara atau membaik pulih rumah ini secara tidak langsung ianya dapat menambah pengetahuan berkaitan gaya dan teknik yang digunakan dalam memulihkan struktur rumah tradisional ini. Selain itu, NGO juga berperanan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dengan cara menyediakan program, seminar atau pameran untuk mempromosikan rumah tradisional disamping dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang reka bentuk dan keunikan rumah tradisional. Oleh itu, NGO perlu bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan rumah tradisional Terengganu.

RUJUKAN

- A. Fink (1998), *Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet*. Thousand Oak: Sage, h. 3.
- Albab, A. (2017, May 20). *Wujudkan Seni Bina Melayu Di Bangunan Kerajaan*. MYNEWSHUB. <https://www.mynewshub.tv/2017/05/wujudkan-seni-bina-melayu-di-bangunan-kerajaan/>
- Admin. (2021, January 22). *Kembali Ke Zaman Silam. Menginap Di Warisan Pahlawan Resort, Terengganu Rasa Macam Orang Bangsawan!* LIBUR. <https://www.libur.com.my/kembali-ke-zaman-silam-menginap-di-warisan-pahlawan-resort-terengganu-rasa-macam-orang-bangsawan/>
- Abu Bakar, A. (2013). *Motif-motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Kelantan dan Terengganu*. <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.upm.eprints.29974>
- BAB II TINJAUAN LITERATUR 2.1 . Definisi Pelestarian*. (n.d.). Retrieved July 19, 2023, from http://eprints.undip.ac.id/40744/2/Bab_2.pdf
- Husen, A., Mohd, amp;, & Mohamed, F. (n.d.). Comparison of Green Design Strategies in Five Traditional Malay Houses. *Jurnal Kejuruteraan*, 33(1), 47–53. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2020-33\(1\)-05](https://doi.org/10.17576/jkukm-2020-33(1)-05)

Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad & Anita Ismail (2021), Kearifan tempatan dalam seni bina rumah tradisional Melayu : Warisan Bernilai yang dilupakan https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/16113/1/Kearifan%20Tempatan%20Dalam%20Seni%20Bina%20Rumahtradisional%20Melayu_%20Warisan%20Bernilai%20Yang%20Dilupakan.pdf

Loriane Blaxter, Christina Hughes & Malcom Tight (2002), *How to Research* (ed. 2). Buckingham: Open University Press, h. 122.

Mohd Azrone Sarabatin (Februari 13,2017) Berita Harian “Bina Bangunan Seni Bina Melayu. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/02/247794/bina-bangunan-seni-bina-melayu>

Mohd Sabrizaa Abd Rashid Sufian Che Amat (*Analysis of a Aesthetical Elements of the Traditional Malay House*. (n.d.). Pdfcoffee.com. Retrieved January 24, 2024, from <https://pdfcoffee.com/download/analysis-of-a-aesthetical-elements-of-the-traditional-malay-house-pdf-free.html>

MOTIF UKIRAN KAYU LATIF LONG ZARINA BINTI ZAKARIA 25450 Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni) Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK 2012. (n.d.). [https://ir.unimas.my/id/eprint/18886/1/Motif%20ukiran%20kayu%20Latif%20Long%20\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/18886/1/Motif%20ukiran%20kayu%20Latif%20Long%20(24pgs).pdf)

Nik Hanapi, N. S. A., & Tugang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228–235. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.881>

Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Ariffin & Aziz Ujang (2014), Pengaruh Adat resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan rumah Melayu Tradisional https://journalarticle.ukm.my/7759/1/Pengaruh_adat_resam,_kepercayaan_dan_kebudayaan_terhadap...pdf

Panduan, G., Bangunan, P., Jabatan, W., & Negara, W. (n.d.). <https://khairulhikamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>

Siti Norlizaiha Harun. (2015). *Sejarah dan Pengaruh Senibina*. Academia.edu. https://www.academia.edu/6035467/Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina

Sohaimi, M., Jabatan, M., Fakulti, A., Bina, S., & Ukur, P. (2017). Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini. *Ideology*, 2(1), 2–13. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32223/1/32223.pdf>

Sulaiman, M., Nazir, M., Kepimpinan, F., Pengurusan, D., Teras, P., Sains, U., Malaysia, I., Nilai, B., Sembilan, N., Maklumat, F., Teknologi, U., Selangor, M., Perdana, K., & Alam, S. (n.d.). *CABARAN KESINAMBUNGAN WARISAN SENI BINA RUMAH TRADISIONAL MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA: SOLUSI KE ARAH MEMARTABATKAN SENI BUDAYA WARISAN KETAMADUNAN MELAYU The Challenges of Preserving The Heritage of Traditional Malay Home Architecture in Peninsula Malaysia: Solution towards Upgrading Cultural Heritage of Malay Civilization*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/16114/1/Cabaran%20Kesinambungan%20Warisan%20Seni%20Bina%20Rumah%20Tradisional%20Melayu%20Di%20Semenanjung%20Malaysia.pdf>

Kualitatif Heriyanto, Penelitian. “Thematic Analysis Sebagai Metode Menganalisa Data Untuk.” ANUVA, vol. 2, no. 3, 2018, pp. 317–324, core.ac.uk/download/pdf/234034028.pdf.

Lampiran



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SOALAN TEMU BUAL SEPARA BERSTRUKTUR

PELESTARIAN RUMAH TRADISIONAL TERENGGANU DI WARISAN
PAHLAWAN RESORT, KG PAUH

OBJEKTIF TEMU BUAL :

1. Mengenalpasti sejarah pembinaan Warisan Pahlawan Resort
2. Mengkaji keunikan seni bina rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort
3. Membincangkan kaedah pemeliharaan rumah warisan tersebut

Sejarah pembinaan Warisan Pahlawan Resort, Kampung Pauh, Terengganu

1. Bagaimana Encik/Puan mendapat idea untuk membuka resort berasaskan rumah tradisional ?
2. Boleh encik ceritakan serba sedikit rumah warisan yang ada di resort ini ?
3. Siapakah yang terlibat dalam pembinaan rumah warisan yang ada di resort ini ?

Keunikan seni bina rumah tradisional di Warisan Pahlawan Resort

1. Terdapat beberapa rumah warisan yang ada disini, jadi berapa banyak rumah dibina dan terdapat disini ?
2. Boleh Encik/Puan ceritakan konsep setiap rumah yang ada disini ?
3. Saya ada terbaca satu artikel dimana, disini terdapat rumah yang menjadi tempat persinggahan mat kilau, jadi boleh Encik/Puan ceritakan serba sedikit berkaitan rumah tersebut ?
4. Sebagaimana kita tahu, rumah persinggahan mat kilau terletak di Pasir Nering, jadi bagaimana proses berkenaan berlaku ?
5. Dari segi ukiran kayu, apakah jenis ukiran yang digunakan dalam rumah yang terdapat disini ?

6. Adakah encik terlibat dalam penghasilan rumah yang terdapat di warisan pahlawan ini ?
7. Sebagai pengukir kayu, adakah encik tahu serba sedikit reka bentuk rumah tradisional terengganu yang terdapat di warisan pahlawan resort ?
8. Sebagai pengukir kayu, kebiasaanya ukiran atau motif jenis apa yang digunakan dalam rumah tradisional terengganu ?
9. Sepanjang encik bekerja ukiran apa yang digunakan pada rumah yang ada di warisan pahlawan ?

Pelestarian/ usaha memulihara rumah warisan

1. Siapakah yang terlibat dalam usaha memulihara rumah yang ada disini daripada rosak ?
2. Adakah penglibatan komuniti, ngo dan badan organisasi lain dalam memulihara rumah ini ?
3. Apakah inisiatif Encik/Puan dalam melestarikan rumah warisan ?
4. Sebagai seorang pengukir kayu, apakah usaha encik dalam memulihara rumah yang terdapat di warisan tersebut ?

Gambar Bersama Responden



Gambar 16 : Sesi temu bual bersama R1




Sumber : Kajian lapangan 2023



Gambar 17 : Gambar menunjukkan R2

Sumber : Facebook

- Pengkaji mencari gambar pemilik resort melalui Facebook kerana pengkaji tidak mengambil gambar bersama responden semasa sesi temu bual



Gambar 18, 19, & 20 : Sesi temu bual bersama R3

Sumber : Kajian Lapangan, 2023



Gambar 21,22 & 23 : Keratan akhbar berkaitan resort
 Sumber : Kajian Lapangan, 2023